



MENZAHIRKAN RASA SYUKUR, TAAT SETIA KEHADAPAN MAJLIS KEBAWAH DYMM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 2 hingga 5).

Ketenangan jiwa asas kepada kesihatan mental, spiritual

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Oktober. - Dalam dunia moden yang serba pantas dan penuh tekanan ini, ramai yang kelihatan bahagia di luar tetapi hatinya gundah di dalam. Padahal ketenangan jiwa adalah asas kepada kesihatan mental dan spiritual.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman

dalam Surah Al-Ra'd, ayat 28 yang maksudnya : "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenang dengan mengingat Allah. Ketahuilah bahawa dengan mengingat Allah itu, hati menjadi tenang".

Demikian antara perkara yang disentuh dalam tazkirah bertajuk 'Ketenangan Jiwa,

Kunci Kesihatan Mental' yang disampaikan oleh Research Visiting Fellow, Japan Institute of International Affairs, Tokyo, Japan, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-202 sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025.

>> Muka 10

Komited menentang penyakit tidak berjangkit

■ Oleh : Haniza Abdul Latif

BERAKAS, Sabtu, 11 Oktober. – Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata, Persidangan dan Pameran Antarabangsa Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang julung kali diadakan ini bukan sekadar satu acara, ia adalah satu pernyataan bahawa Brunei sudah bersedia untuk memimpin, berinovasi dan bertindak dengan

tegas dalam perjuangan global menentang NCD.

Berucap selaku tetamu kehormat semasa Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa NCD 2025 yang diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menambah, NCD bukan lagi ancaman yang senyap kerana ia kini lantang, berterusan dan berakar umbi dalam masyarakat kita.

Tegas Yang Berhormat, ia menjejaskan keluarga, produktiviti, dan pembangunan negara, yang mana penyakit ini bertanggungjawab terhadap 74 peratus kematian di seluruh dunia, dengan 86 peratus daripadanya berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana. Namun begitu, sebahagian besar daripadanya sebenarnya boleh dicegah.

>> Muka 11



Berita Utama



MENINGKATKAN kesedaran masyarakat pentingnya pemulihan dalam kehidupan

Muka 10



MEWUJUDKAN ekosistem pengurusan bencana bersepadu

Muka 12



PERTUNJUKAN Bunga Hidup warnai Sambutan Perayaan Hari Keputeraan

Muka 13



AL-ZAHRAWI : Bapa bedah moden

Muka 21

Menzahirkan rasa syukur, taat setia Kehadapan Majlis Kebawah DYMM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (DBM) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Oktober. - Daerah Brunei dan Muara (DBM) merupakan daerah terakhir bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk daerah berkenaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 yang tetap menjadi ristaan sepanjang zaman.

Segep lapisan rakyat dan penduduk di daerah ini sejak awal pagi lagi sudah membanjiri Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara bagi menantikan keberangkatan tiba raja yang dikasihi dengan wajah keriang mereka jelas terpancar.

Seramai 2,500 penuntut dan murid sekolah rendah dan menengah beratur di sepanjang tepi jalan raya bermula dari

hadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja sehingga pintu masuk Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin mengibarkan bendera-bendera kecil Negara Brunei Darussalam (NBD), diikuti dengan pukulan hadrah dan perbarisan pembawa bunga manggar seramai 158 orang bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja yang lain.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Pengerusi Jawatankuasa Menilai Acara-acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 bagi Tahun 2025.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	ISNIN	21	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17
14	SELASA	22	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16
15	RABU	23	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
16	KHAMIS	24	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
17	JUMAAT	25	4.38	4.48	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
18	SABTU	26	4.37	4.47	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.15
19	AHAD	27	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	34 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 13 OKTOBER 2025

Bersama mencegah NCD

NON-Communicable Diseases (NCD) atau lebih dikenali sebagai Penyakit Tidak Berjangkit adalah terdiri daripada penyakit jantung, strok, kanser, diabetes dan penyakit paru-paru kronik. NCD ini adalah penyebab utama kematian di peringkat global, melebihi penyakit berjangkit.

NCD adalah ancaman kesihatan awam terbesar abad ini, bukan hanya kerana ia membunuh berjuta-juta orang setiap tahun tetapi juga kerana ia memberi kesan ekonomi dan sosial jangka panjang kepada keluarga, komuniti dan negara.

Pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Oleh itu, dalam menangani NCD ini, perlunya pendekatan menyeluruh yang melibatkan kerajaan, masyarakat, sektor kesihatan, serta individu sendiri iaitu dengan mempraktikkan amalan gaya hidup yang sihat seperti pemakanan yang sihat dengan mengambil makanan tinggi serat: sayur, buah, bijirin penuh dan mengelakkan makanan segera, bergoreng, tinggi garam dan gula dan kurangkan pengambilan minuman bergula.

Dalam pada itu juga, mengamalkan aktiviti fizikal dengan melakukan senaman 30 minit sehari, lima kali seminggu seperti jalan kaki, berbasikal, bersenam ringan.

Pada Sidang Media Pameran dan Persidangan Antarabangsa NCD yang diadakan baru-baru ini, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif menggariskan pelbagai usaha giat dijalankan bagi menangani kesan yang semakin meningkat akibat NCD melalui pelbagai strategi daripada promosi kesihatan dan pencegahan, pengurusan klinikal, inisiatif saringan, hinggalah kepada penggunaan kesihatan digital seperti BruHealth.

Pada 2021 sahaja, Dr. Hajah Rafidah menegaskan, NCD telah meragut sekurang-kurangnya 43 juta nyawa di peringkat global. Negara Brunei Darussalam turut berdepan cabaran serupa, yang mana NCD menyumbang kepada kira-kira 75 peratus daripada keseluruhan kematian di negara ini.

Lebih membimbangkan, lebih 70 peratus daripada kes berkenaan berpunca daripada faktor risiko yang boleh dielakkan seperti merokok, pemakanan tidak sihat, kurang aktiviti fizikal, obesiti, hipertensi dan diabetes.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama berganding bahu menyahut seruan kerajaan untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat agar pembangunan masyarakat terus terjamin seterusnya memberikan impak positif kepada sosioekonomi negara.

Dalam semangat menuju Wawasan Brunei 2035, bersama kita semua membangunkan sebuah negara yang bukan sahaja makmur dari segi ekonomi tetapi juga sejahtera dari segi kesihatan fizikal, mental, dan kerohanian. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



>> Muka 2

Turut menjunjung, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman;

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi - pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 bagi Tahun 2025 serta Pemangku

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan bercemar duli bersama rakyat baginda bagi Majlis Ramah Mesra bersama Rakyat dan Penduduk DBM (atas, atas kiri dan bawah kiri).

Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura

Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 4



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli berkenaan tidak dilepaskan begitu sahaja oleh pelbagai lapisan masyarakat di DBM (atas kanan, kanan dan bawah).



ANTARA penuntut yang mengibarkan bendera-bendera kecil Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama kerabat diraja.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima beberapa pesambah yang disembahkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 Tahun (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Sejurus keberangkatan tiba, Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan, diiringi oleh Pasukan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei dan kumpulan koir dari Suara Gentara.

Kemuncak acara diserikan dengan Persembahan Khas bertemakan 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara' yang dipersembahkan oleh 200 peserta terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah kerajaan dan swasta, iaitu, daripada peringkat pendidikan rendah sehinggalah ke peringkat pendidikan

menengah dan daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta, kumpulan belia, pertubuhan serta persatuan dan penggiat-penggiat seni tanah air.

Sejurus selesai, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta Persembahan Khas dan seterusnya berangkat bercemer duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk DBM yang melibatkan penyertaan warga emas, belia dan beliawanis, murid-murid dan penuntut - penuntut sekolah, pasukan beruniform, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku

penghulu mukim dan ketua kampung, jabatan - jabatan kerajaan, ahli jawatankuasa, persatuan, syarikat swasta, agensi-agensi berkaitan serta pelbagai lapisan masyarakat di daerah ini.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM juga berkenan

menerima beberapa pesambah yang disembahkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 Tahun.

Baginda berserta kerabat diraja kemudian dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan An-Naura, Bangunan

Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang didahului dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin.

>> Muka 5



SUASANA keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk (atas dan atas kanan).



KEBAWAH DYMM bersama kerabat diraja berkenan menaiki kenderaan khas (kanan), manakala gambar atas, Kebawah DYMM berkenan memotong Kek Hari Keputeraan yang disembahkan Kehadapan Majlis baginda.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Pemangku Pegawai DBM bersama keluarga. Manakala gambar atas kanan, Kebawah DYMM berkenan menandatangani potret yang disembahkan Kehadapan Majlis baginda.

>> Muka 4

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM juga berkenan memotong Kek Hari Keputeraan dan menerima pesambah yang disembahkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79.

Sebelum berangkat meninggalkan Dewan Persantapan, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan jemputan-jemputan khas.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk berkenaan merupakan acara keraian utama yang menghimpunkan seluruh rakyat dan penduduk untuk

bersatu padu, berganding bahu, bersama-sama menyertai dan meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang Ke-79 bagi Tahun 2025 di keempat-empat daerah dengan tujuan menzahirkan rasa syukur, penghargaan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis baginda.

Ia juga sebagai tanda penghormatan atas kepimpinan, kewibawaan dan kebijaksanaan baginda yang telah memastikan negara terus berada dalam keadaan makmur, aman, selamat dan tenteram sehingga rakyat dapat menikmati kehidupan yang sejahtera, penuh kemajuan serta keharmonian.

Justeru kita selaku rakyat dan penduduk negara ini sewajarnya bersama-sama dengan hati yang tulus ikhlas dan penuh takzim menyebarkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah DYMM, dengan iringan doa semoga baginda serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat, dan kekal qarar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin NBD dengan mendapat rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta penuh kedaulatan, adil laila bahagia, dalam negara yang aman, makmur, dan damai.



KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan (atas), manakala gambar bawah, Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.



KEBAWAH DYMM berserta kerabat diraja dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan An-Naura, Bangunan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas). Sementara gambar atas kanan sekali, baginda berkenan berbual mesra pada majlis tersebut.

ANTARA yang hadir pada Majlis Santap (kanan), manakala gambar kanan sekali, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin.



PERSEMBAHAN KHAS KETENGAHKAN TEMA 'RAJA BERWAWASAN INSPIRASI KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN NEGARA'



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Khas sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Oktober. - Persembahan Khas sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara yang dipersembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 pagi tadi menonjolkan keunikan tersendiri.

Persembahan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien berkenaan melibatkan seramai 200 peserta yang menggabungkan elemen-elemen *fusion* kontemporari, merangkumi muzik dan tarian tradisional, pop serta gerak isyarat tangan.

Dibahagikan kepada tiga segmen, persembahan berkenaan menampilkan gabungan kumpulan belia serta pelajar-pelajar dari sekolah rendah dan sekolah menengah atas.

Segmen pertama menampilkan seramai 40 belia yang menggunakan gerak isyarat tangan untuk membentuk simbol cinta, melambangkan kecintaan dan penghormatan rakyat Kehadapan Majlis Kebawah

Duli Yang Maha Mulia.

Mereka juga membentuk angka 79, merujuk kepada usia Kebawah DYMM, sebagai tanda penghargaan dan penghormatan Kehadapan Majlis baginda.

Sementara segmen kedua pula menggambarkan kerjasama dan perpaduan kumpulan belia yang bersatu dalam menjaga keharmonian negara di bawah kepimpinan raja yang bijaksana.

>> Muka 7



PERSEMBAHAN yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien berkenaan melibatkan seramai 200 peserta yang menggabungkan elemen-elemen *fusion* kontemporari, merangkumi muzik dan tarian tradisional, pop serta gerak isyarat tangan (atas, kiri, bawah kiri sekali dan bawah tengah). Sementara gambar bawah kanan, antara yang turut hadir menyaksikan persembahan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta yang terlibat dengan Persembahan Khas.

>> Muka 6

Persembahan yang ceria berkenaan bertujuan untuk menunjukkan kegembiraan dan kesyukuran rakyat Negara Brunei

Darussalam (NBD) dalam menyambut Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 bagi Tahun 2025.

Manakala segmen ketiga

menampilkan lagu 'Sembah Tahniah Pada Hari Keputeraan' yang melambangkan rasa syukur rakyat NBD Kehadapan Majlis Kebawah DYMM.

Lagu berkenaan juga menggambarkan doa dan harapan rakyat agar Kebawah DYMM dan kaum kerabat sentiasa dilimpahi rahmat dan kebahagiaan.

Laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' menutup tirai Persembahan Khas.

Persembahan Khas tahun ini mengangkat tema 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara'.

Melalui gabungan elemen seni tradisional dan moden, persembahan berkenaan berjaya

menyampaikan mesej kasih sayang, taat setia dan penghargaan rakyat kepada raja yang sentiasa mendahulukan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Sebagai lambang seorang raja berjiwa rakyat, Kebawah DYMM sentiasa menzahirkan kasih sayang dan perhatian mendalam terhadap kesejahteraan rakyat.

Keperibadian Kebawah DYMM yang luhur dan penuh kebijaksanaan menjadi teras kekuatan negara, menjadikan baginda bukan sahaja disanjung, malah dicintai sepenuh hati oleh rakyat.

Di bawah naungan pemerintahan baginda, NBD terus teguh dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), merangkumi

pembangunan dalam bidang agama, pendidikan, ekonomi, kesihatan dan pentadbiran yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Persembahan Khas berkenaan bukan sekadar hiburan, tetapi merupakan cerminan rasa syukur dan taat setia rakyat NBD kepada raja yang sentiasa berkorban dan berusaha untuk kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Menurut Pengarah Persembahan, Awang Fathan bin Haji Anuar, proses persiapan persembahan berkenaan telah bermula sejak Mac yang lalu, merangkumi perancangan, penciptaan lirik dan lagu, gubahan musik serta koreografi sehingga ke hari kemuncak.

"Alhamdulillah, banyak cabaran, tapi kami mempunyai kerjasama yang cergas, pantas dan sentiasa bersedia menerima teguran dan maklum balas untuk memperbaiki lagi persembahan kami," katanya semasa ditemui oleh Pelita Brunei.

Ditanya tentang kepuasan hati terhadap persembahan berkenaan, beliau menjelaskan sebagai anak seni, kami memang tidak pernah berasa puas tetapi Alhamdulillah dari maklum balas yang diterima, kami sangat bersyukur atas kejayaan persembahan yang kami laksanakan demi untuk raja.

"InsyaaAllah pada masa akan datang, kami akan cuba untuk memberikan persembahan yang lebih kreatif, mantap dan mempunyai mesej yang bernas serta menghiburkan raja dan rakyat NBD," ujarnya lagi.



MELALUI gabungan elemen seni tradisional dan moden, persembahan berkenaan berjaya menyampaikan mesej kasih sayang, taat setia dan penghargaan rakyat kepada raja yang sentiasa mendahulukan kebajikan dan kesejahteraan rakyat (atas, atas kiri, kiri dan gambar-gambar di bawah).



BERANGKAT MENYAKSIKAN PERSEMBAHAN DRON MALAM GEMILANG UBD



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Oktober. - Langit di atas Stadium Negara Hassanal Bolkiah disinari dengan pertunjukan cahaya dron yang menakjubkan serta bunga api berwarna-warni, diiringi pelbagai persembahan menghiburkan yang memukau lebih 21,000 penonton semasa acara Persembahan Malam Gemilang UBD Drone Show anjuran

bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Imagine Sdn. Bhd. (Imagine).

Acara tersebut dimeriahkan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam, Canselor UBD.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Berangkat sama ialah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Malam Gemilang UBD Drone Show. Turut berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda (atas kiri), manakala gambar atas dan bawah kiri, sekitar Persembahan Dron yang menghiasi ruang udara di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Sementara gambar bawah dan bawah sekali, penyanyi jemputan dari Malaysia, Anuar Zain serta para peserta yang turut menyertai dalam persembahan tersebut. Manakala gambar bawah sekali kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

paduka - paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pro-Canselor UBD; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berserta kerabat diraja.

Kemunculan penyanyi terkenal Malaysia, Anuar Zain, menyerikan lagi suasana malam dengan persembahan beberapa lagu popular beliau antaranya 'Keabadian Cinta', 'Bila Resah' dan 'Lelaki Ini'.



Segmen utama persembahan,

iaitu Persembahan Dron selama 15 minit, dikendalikan oleh pasukan tempatan terlatih daripada Imagine dengan kerjasama 40 pelajar UBD.

Persembahan ini memperlihatkan keupayaan tenaga muda tempatan dalam mengendalikan teknologi dron berinovasi tinggi serta memperkukuhkan peranan UBD dalam memupuk kepakaran dan kreativiti sejajar dengan matlamat pembangunan negara.

Dron - dron berkenaan membentuk 14 imej pelbagai corak di ruang udara, diiringi gabungan muzik dan tarian daripada barisan pemuzik serta penari tempatan.

>> Muka 9





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta persembahan.

Acara tersebut turut disokong oleh JPM, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut sama menjayakan ialah rakan-rakan penyumbang termasuk Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), Baiduri Bank Berhad, Boeffi International (B) Sdn. Bhd., D'Sunlit Sdn. Bhd., Brunei Press Sdn. Bhd., Jerudong Park Country Club, Adinin Works and Engineering Sdn. Bhd., Brunei Methanol Company Sdn. Bhd., Sistem Integra Sdn. Bhd., Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. serta Poni Group Sdn. Bhd.

>> Muka 8

Antara lagu yang dipersembahkan termasuk '15 Julai Kelahiran Putera', 'Dirgahayu', 'Rahmat', 'Puja Usia', 'Selendang Kipas', 'Cabuk-Cabuk Bingar', 'Seantero Dunia' dan Lagu Rasmi UBD, 'Mendapan

Bersama'.

Acara mencapai kemuncaknya apabila Anuar Zain memimpin nyanyian Lagu 'Hari Keputeraan' yang disertai oleh seluruh hadirin dengan penuh semangat dan kasih terhadap Kebawah DYMM. Malam bersejarah itu diakhiri

dengan Pertunjukan Bunga Api selama 12 minit.

Keterujaan serta semangat kesetiaan yang terpancar daripada para penonton dan semua pihak yang terlibat jelas mencerminkan rasa kasih, penghargaan dan taat setia rakyat

kepada Kebawah DYMM.

Persembahan Dron Malam Gemilang UBD diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 Tahun serta Ulang Tahun Penubuhan UBD ke-40 Tahun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra (atas dan kiri). Manakala gambar bawah kiri dan bawah sekali kiri, suasana persembahan tersebut.



ORANG ramai yang hadir menyaksikan persembahan.

KETENANGAN JIWA ASAS KEPADA KESIHATAN MENTAL, SPIRITUAL

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Program Malam Munajat berkenaan disemarakkan oleh para pegawai Jabatan Pengajian Islam (JPI), KHEU yang bersiaran secara maya dari Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Turut menyertai, jemaah daripada beberapa buah masjid, dan warga kerja KHEU serta individu daripada kediaman masing-masing.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Ketua Bahagian Pendidikan Khas Ugama, JPI, KHEU, Awang Muhammad Hady bin Bukhari, dari Surau LTAB.

Diikuti dengan bacaan Surah

Al-Mulk beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Ketua Unit Sekolah Ugama, Bahagian Pendidikan Khas Ugama, JPI, KHEU, Awang Haji Mohd. Suffri Sofian bin Haji Mohammad Umar dari Surau LTAB.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Pelajaran Lanjutan, JPI, KHEU, Awang Haji Sufri bin Amit@Othman.

Selesai tazkirah, disusuli dengan laungan Selawat Tafriyyah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Ketua Unit Sekolah Umum (Pendidikan Islam), Bahagian Pendidikan Khas Ugama, JPI, KHEU, Awang Haji Mohd. Amrizam bin Haji Mat Umar.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei

Darussalam (NBD) dibacakan oleh Imam Surau LTAB, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu - alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheu>.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-202 sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025.

Meningkatkan kesedaran masyarakat pentingnya pemulihan dalam kehidupan

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

SUNGAI HANCHING, Sabtu, 11 Oktober. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) selaku agensi peneraju dalam membanteras penyalahgunaan dadah menjalankan strategi pengurangan bekalan, iaitu Supply Reduction menerusi operasi dan pendakwaan terhadap pengedar dan pesalah dadah bagi menitikberatkan strategi pengurangan permintaan, iaitu Demand Reduction.

Strategi Demand Reduction yang dimaksudkan menjurus kepada aktiviti pendidikan pencegahan dadah bagi memastikan seluruh kelompok masyarakat kita untuk mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi dalam bahaya ancaman dadah dan seterusnya turut terlibat dalam melaksanakan usaha - usaha pendidikan pencegahan yang bersifat Whole of Nation Approach.

Pengarah BKN, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail menekankan perkara demikian pada Majlis Pelancaran Hari Pemulihan Antarabangsa sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2025 bertempat di OneCity Shopping Centre, petang tadi.

Jelasnya lagi, BKN sangat menitikberatkan pendekatan pemuliharaan dan pendakwaan dadah yang holistik dan salah satu inisiatif di dalam mengawal kadar kejatuhan semula bekas-bekas pengguna dadah.

"Hari Pemulihan Antarabangsa adalah merupakan satu inisiatif yang penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya pemulihan dalam kehidupan.

"Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong individu yang sedang melalui proses pemulihan khususnya menangani isu ketagihan dadah, pelbagai aktiviti akan diadakan pada atau sempena sambutan ini," ujarnya.

Dato Paduka Haji Mohd. Zalani seterusnya berkata aktiviti-aktiviti

berkenaan bertujuan untuk mendidik, memberi sokongan, serta membuka peluang untuk sesi pertemuan atau interaksi bagi membantu meningkatkan kesedaran dan memudahkan akses kepada perkhidmatan sokongan.

Aktiviti - aktiviti berkenaan tambahnya, dirancang untuk menjangkau pelbagai lapisan masyarakat, melibatkan penglibatan agensi lain serta memberi ruang bagi individu untuk meluahkan permasalahan mereka yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Hadir bagi menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Tema sambutan iaitu 'Sinar Menuju Pemulihan' adalah satu seruan penuh harapan agar masyarakat terus memberi peluang dan sokongan kepada bekas pengguna dadah untuk kembali ke pangkuan masyarakat.

Majlis diteruskan dengan pelancaran dua buah klip video, iaitu 'Pulih Bersama' yang akan menjadi lagu tema bagi Hari Pemulihan Antarabangsa; dan 'Keluarga Nadi Pemulihan'.

Kedua-dua video berkenaan membawa mesej sama yang mana BKN bukan sahaja ingin memberi kesedaran bahkan menyeru kepada seluruh lapisan masyarakat agar dapat menerima dan memberi peluang kepada bekas pengguna dadah serta betapa pentingnya bagi individu-individu berkenaan diberikan sokongan yang berterusan terutama sekali daripada keluarga dalam sama-sama berganding bahu membantu mereka menjalani proses pemulihan sepanjang hayat berkenaan.

Selain itu, pameran juga diadakan selama dua hari dan dibukakan kepada kunjungan orang ramai yang bertujuan untuk membarigakan tentang perkhidmatan dan program pemulihan serta memberi

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir pada Majlis Pelancaran Hari Pemulihan Antarabangsa sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2025.

kesedaran tentang bahaya dadah melalui mesej-mesej anti dadah.

Selain pameran dari BKN, agensi-agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan turut terlibat, iaitu Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak dari Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan



Keselamatan Dalam Negeri (CSB), Persatuan Basmi Jabatan Penjara, Jabatan Dadah (BASMIDA) dan Pembangunan Masyarakat Persatuan Aftercare Support (JAPEM), Cyber Security Brunei Association (AFSA).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 15 Oktober 2025
2. 'Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'. Tarikh Tutup : 22 Oktober 2025
3. 'Kesan Buli Terhadap Kesihatan Mental '. Tarikh Tutup : 29 Oktober 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KOMITED MENENTANG PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan ucapannya.

>> Muka 1

Untuk memberikan sedikit gambaran mengenai keadaan di Negara Brunei Darussalam (NBD) terang Yang Berhormat, pada tahun 2024, sebanyak 572 kematian akibat penyakit jantung dan strok telah dilaporkan, termasuk 313 kematian pramatang.

Pendaftaran Kanser Brunei Darussalam tambah Yang Berhormat, merekodkan 794 kes baharu kanser dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap pada tahun 2023, meningkat daripada 743 kes pada tahun sebelumnya.

Jelas Yang Berhormat lagi, Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Buah Pinggang Brunei Darussalam pula

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mencatatkan sejumlah 1,082 individu yang didiagnosis dengan Penyakit Buah Pinggang Peringkat Akhir (End-Stage Kidney Disease - ESKD) pada tahun 2024 iaitu peningkatan sebanyak 6.2 peratus berbanding tahun 2023.

Selain itu ujarinya, dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini (2022 hingga 2024), purata 180 pesakit ESKD dilaporkan meninggal dunia setiap tahun.

Semasa Mesyuarat Peringkat Tinggi Keempat Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bulan lalu menurut Yang Berhormat, para pemimpin dunia telah menerima pakai Deklarasi Politik baharu mengenai NCD dan kesihatan mental.

"Deklarasi ini mengesahkan semula komitmen bersama kami untuk mengurangkan kematian pramatang akibat NCD sebanyak satu pertiga menjelang 2030 dan buat pertama kalinya, agenda global ini diperluas untuk merangkumi kesihatan mental, kanser kanak-kanak, kesihatan mulut, pencemaran udara dan juga faktor penentu kesihatan digital.

"Ia menetapkan sasaran yang berani - termasuk memastikan 150 juta lagi orang mendapat akses kepada penjagaan kesihatan mental serta 150 juta lagi penduduk di seluruh dunia mengawal tekanan darah tinggi

mereka," ujar Yang Berhormat.

Yang lebih penting tegas Yang Berhormat lagi, deklarasi ini menyeru pembiayaan mampan, peraturan yang lebih kukuh terhadap faktor komersial yang mempengaruhi kesihatan serta akses saksama kepada ubat dan teknologi penting.

Yang Berhormat menambah, NBD bersedia untuk menterjemahkan komitmen global ini kepada tindakan tempatan dengan memperkukuh penjagaan kesihatan primer, melindungi rakyat daripada risiko yang boleh dicegah, dan memastikan tiada siapa yang ketinggalan dalam perjalanan menuju kesihatan dan kesejahteraan untuk semua.

Sepanjang dua dekad yang lalu kata Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah berani.

Kementerian Kesihatan, jelas Yang Berhormat, telah memberi keutamaan kepada NCD melalui Pelan Tindakan Pelbagai Sektor Kebangsaan bagi Pencegahan dan Kawalan NCD dan telah memperkukuh sistem pemantauan, memperluas akses kepada ubat penting serta meningkatkan intervensi berasaskan komuniti.

"Kementerian Kesihatan telah menerima pakai teknologi kesihatan digital, mempromosikan

kesejahteraan mental dan menyokong kawalan tembakau melalui Konvensyen Rangka WHO mengenai Kawalan Tembakau (FCTC).

"Pelbagai tindakan telah dimulakan dan dilaksanakan, termasuk aspek pencegahan, pengesanan awal, rawatan serta penjagaan paliatif - antaranya penyediaan perkhidmatan saringan kanser percuma kepada semua warganegara," terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Namun Yang Berhormat menegaskan, masih banyak yang perlu dilakukan dan persidangan ini adalah seruan untuk bertindak kepada para pengamal perubahan, pembuat dasar, penyelidik dan masyarakat sivil.

Menurut Yang Berhormat, ia adalah seruan untuk mengintegrasikan penjagaan iaitu menghapuskan jurang antara kesihatan fizikal dan mental, antara pencegahan dan rawatan; memberdayakan komuniti iaitu dengan melibatkan rakyat sebagai rakan kongsi dalam kesihatan, bukan sekadar penerima pasif; melabur dalam inovasi dengan memanfaatkan data, teknologi dan penyelidikan untuk membolehkan tindak balas yang lebih bijak dan pantas; dan memperkukuh kepimpinan dengan memastikan setiap pembuat keputusan dalam seluruh jentera negara memahami kos akibat tidak bertindak dan kekuatan pencegahan - bahawa kesihatan adalah tanggungjawab bersama.

"Wawasan Brunei 2035

menggambarkan Brunei yang bukan sahaja makmur, tetapi juga berdaya tahan. Kesihatan adalah asas kepada ketahanan itu. Kita mesti membina sistem yang inklusif, adaptif, dan bersedia menghadapi masa depan. Kita mesti memastikan bahawa tiada sesiapa yang tertinggal, khususnya mereka yang paling terdedah kepada NCD," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan, biarlah persidangan ini dikenang bukan hanya kerana perbincangannya, tetapi kerana keputusannya, dan biarlah ia mencetuskan dasar baharu, perkongsian baharu dan peluang baharu, selain itu menjadi saat di mana Brunei melangkah ke hadapan - bukan sekadar sebagai peserta dalam kesihatan global, tetapi sebagai peneraju.

"Saya berasa amat bersemangat melihat kemajuan yang telah dicapai - perkongsian ilmu dari luar negara, kepakaran tempatan yang ditonjolkan dalam persidangan ini, serta kepelbagaian dan kualiti pembentangan yang mencerminkan komuniti klinikal dan budaya penyelidikan yang subur, dengan komitmen bersama untuk meningkatkan hasil kesihatan. Saya amat terinspirasi menyaksikan gabungan idea dan kepakaran yang begitu bernilai ini - bukti bahawa bersama-sama, kita sedang membentuk masa depan penjagaan dan pencegahan NCD," jelas Yang Berhormat lagi.

Kongsi amalan terbaik dalam penjagaan kesihatan mencegah NCD

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Penyakit Tidak Berjangkit 2025 menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang penerima (kiri), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada persidangan.

Profesional Penjagaan Kesihatan; dan Komunikasi Pesakit dan Perubahan Tingkah Laku.

Menurutnya, terdapat peluang untuk berinteraksi dengan pakar bertaraf dunia, berkongsi amalan terbaik, serta membina perkongsian baharu.

Program persidangan ini katanya, bukan sahaja menampilkan pembentangan mengenai inovasi dalam pengurusan NCD tetapi juga membentangkan strategi berasaskan bukti untuk jangka hayat yang lebih panjang dan senaman sebagai alat pencegahan NCD, integrasi alat digital dalam pengurusan NCD serta inisiatif yang dipimpin oleh komuniti untuk pencegahan NCD.

Workwell Summit oleh JPMC jelasnya, merupakan acara penting dalam bidang kesejahteraan di tempat kerja, manakala bengkel mengenai temu bual motivasi dan pemakanan akan memberikan latihan penting kepada para profesional penjagaan kesihatan di lapangan.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Pada Majlis Perasmian tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyampaikan ucapan dan seterusnya melancarkan sesi persidangan saintifik bagi acara tersebut.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada para penceramah jemputan dan rakan-rakan strategik yang terlibat.

Persidangan ini turut menampilkan dua ucapama iaitu 'NCD Actions: Bridging Communities & Healthcare' yang disampaikan oleh wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Ketua Pejabat Negara WHO untuk Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, Dr.

Rabindra Abeyasinghe; dan 'BruMap-NCD: Insights on the Roadmap to a Healthier Nation' oleh Penasihat Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim.

Pameran dan Persidangan Antarabangsa NCD 2025 dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan Gleneagles JPMC.

Acara ini bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama antara komuniti dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam menangani cabaran penyakit-penyakit tidak berjangkit, di samping memperteguhkan komitmen negara ke arah masyarakat yang lebih sihat dan berdaya tahan.



BERAKAS, Sabtu, 11 Oktober. - Persidangan Antarabangsa Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2025 (NCD 2025) menandakan satu detik bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam, yang mana ia merupakan bukti komitmen negara terhadap kesaksamaan kesihatan, inovasi dan kerjasama.

Perjuangan menentang NCD tidak terbatas kepada hospital, klinik atau makmal sahaja malah ia adalah usaha masyarakat yang menuntut kepimpinan, belas kasihan dan tindakan yang berani.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Gharif berkata demikian semasa Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa NCD 2025 yang diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

"Bersama-sama, kita telah mencapai kemajuan yang ketara dalam memperkukuh penjagaan

primer, memperluas saringan kesihatan, dan memupuk gaya hidup yang lebih sihat. Inisiatif seperti Program Saringan Kesihatan Bersepadu, Program Tempat Kerja dan Kesihatan (WAH) serta Program Saringan Kesihatan Kebangsaan telah memberi kuasa kepada individu dan komuniti untuk mengambil tanggungjawab terhadap kesihatan mereka," ujar Dr. Hajah Rafidah yang juga selaku Pengerusi Bersama Pameran dan Persidangan Antarabangsa NCD 2025.

Tambahnya, persidangan itu lebih daripada sekadar perhimpunan, ia merupakan sebuah platform untuk pemerolehan ilmu pengetahuan, inovasi dan kerjasama, di mana tema-tema merentas bidang akan diterokai termasuk Penuaan Sihat; Pemakanan dan Aktiviti Fizikal; Kesihatan dan Teknologi Digital; Penglibatan dan Pemberdayaan Komuniti; Pembangunan



Mewujudkan ekosistem pengurusan bencana bersepadu

BERAKAS, Sabtu, 11 Oktober. - Hari ASEAN Bagi Pengurusan Bencana atau ASEAN Day for Disaster Management (ADDM) adalah wadah penting untuk kita mengalas usaha secara berterusan dalam memperkukuh ketahanan dan kesiapsiagaan serantau terhadap bencana.

Hari ini adalah Ulang Tahun Ke-20 Perjanjian ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana dan Tindakan Kecemasan atau ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER), iaitu satu perjanjian serantau yang menjadi rangka kerja utama bagi kerjasama ASEAN dalam pengurangan risiko bencana.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada sambutan Hari Pengurusan Bencana ASEAN bertempat di Lobi Atrium, Times Square Shopping Mall, Berakas, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), sebagai sebuah agensi dalam struktur organisasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) adalah bertanggungjawab dalam menyelaraskan usaha pengurusan

bencana di negara ini akan terus menyokong segala bentuk kerjasama dalam pengurusan bencana di rantau ASEAN dan platform rakan dialog antarabangsa, memperkukuh kapasiti pengurusan bencana kebangsaan, serta memupuk budaya dalam Pengurangan Risiko Bencana (DRR) dalam kalangan masyarakat, sejajar dengan Rangka Kerja Sendai Framework dan Paris Agreement on Climate Change.

"Perkara ini dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan seperti pendidikan, latihan, inovasi, amalan terbaik dan penglibatan menyeluruh masyarakat demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan awam serta pembinaan komuniti yang lebih berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

"Sepanjang dua dekad berlalu, Perjanjian AADMER telah menjadi asas kukuh dalam mendukung solidariti serantau dalam pengurusan bencana. Ancaman yang kita hadapi pada masa ini tidak lagi bersifat konvensional.

"Perubahan iklim telah menjadikannya lebih kompleks dan sukar diramal. Paradigma lama, di mana bencana ditangani oleh agensi tunggal atau secara silo, kini sudah tidak pratikal lagi," ujar Yang Berhormat lagi.

Oleh itu, jelas Yang Berhormat, kita meletakkan mandat nasional yang jelas, di mana kita mesti lebih bersepadu dan proaktif dalam semua aspek pengurusan risiko bencana. Kita perlu bergerak seiringan di mana Pendekatan Seluruh Kerajaan (Whole of Government) dan Pendekatan Seluruh Negara (Whole of Nation) adalah penting dalam merealisasikan harapan berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, dalam mewujudkan ekosistem pengurusan bencana yang bersepadu, hari ini akan dilancarkan dua buah buku, iaitu Rangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana (Disaster Management Strategic Policy Framework - DMSPF) dan Buku Panduan Asas Keselamatan Awam : Panduan Kesiapsiagaan dan Mitigasi Kecemasan, Edisi 2025.

Penerbitan Buku DMSPF berkenaan jelas Yang Berhormat, adalah selaras dengan rangka kerja yang digariskan dalam Sendai Framework di peringkat global dan Perjanjian AADMER di peringkat serantau. Ia mencerminkan komitmen berterusan negara dalam menyelaras usaha kesiapsiagaan, mitigasi, respons, dan pemulihan bagi kedayatahan negara.

Manakala Buku Panduan Asas Keselamatan Awam Edisi 2025 pula terang Yang Berhormat,

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap pada majlis tersebut.

dihasarkan untuk menjadi rujukan utama dalam meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap langkah-langkah keselamatan dan tindak balas semasa berlaku kecemasan.

"Penerbitan buku ini melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Emergency Medical Ambulance Services (EMAS), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan.

"Pendekatan senegara ini menekankan peranan aktif komuniti dengan penglibatan pemimpin akar umbi dalam memperkukuh kesiapsiagaan dan keselamatan negara melalui peningkatan ilmu pengetahuan serta kesedaran awam," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya berkata komitmen yang berterusan berkenaan bukan sekadar bantuan tetapi aset strategik yang memastikan agenda pengurusan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad



bencana negara terus maju, kekal tangkas, berdaya tahan dan berkesan dalam melindungi nyawa serta harta benda.

Yang Berhormat juga menzahirkan harapan, semoga segala usaha kolektif dan sokongan berkenaan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala dan akan terus dipertingkatkan lagi bagi merangka strategi kebangsaan yang lebih teguh, demi memastikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa bersiap siaga menghadapi sebarang bentuk ketidakpastian.

Usaha bersepadu yang konsisten ini tambah Yang Berhormat lagi adalah kunci utama untuk merealisasikan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu mencapai kualiti kehidupan yang tinggi bagi seluruh rakyat dan penduduk negara.

MEMPERKUKUH KETAHANAN TERHADAP BENCANA, SEMANGAT PERPADUAN ASEAN



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara turut hadir pada majlis berkenaan pada Sambutan Hari Pengurusan Bencana ASEAN (ASEAN Day for Disaster Management - ADDM).

BERAKAS, Sabtu, 11 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) hari ini melancarkan dua buah buku, iaitu Rangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana (Disaster Management Strategic Policy Framework - DMSPF) dan Buku Panduan Asas Keselamatan Awam : Panduan Kesiapsiagaan dan

Mitigasi Kecemasan, Edisi 2025.

Buku DMSPF berkenaan akan menjadi tonggak rujukan utama dan panduan untuk memetakan hala tuju strategik Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam pengurusan bencana. Rangka kerja berkenaan merangkumi aspek Pengurangan Risiko Bencana (Disaster Risk Reduction - DRR) dan Pengadaptasian Perubahan Iklim (Climate

Change Adaptation - CCA).

Pelancaran Buku DMSPF berkenaan juga membuktikan komitmen NBD yang teguh dan berterusan dalam membina sebuah masyarakat yang bukan sahaja lebih selamat tetapi juga ketahanan terhadap bencana secara menyeluruh.

Sementara itu, Buku Panduan Asas Keselamatan Awam : Panduan Kesiapsiagaan dan

Mitigasi Kecemasan, Edisi 2025, yang dihasilkan oleh NDMC dengan kerjasama beberapa buah agensi kerajaan yang berkepentingan dalam pengurusan bencana di negara ini yang dihasratkan untuk memberi pengetahuan dan seterusnya memperkasa masyarakat dalam menghadapi pelbagai aspek keselamatan awam, sekali gus meningkatkan kefahaman dan kesiapsiagaan masyarakat secara menyeluruh dalam menangani risiko bencana.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan buku-buku berkenaan pada Sambutan Hari Pengurusan Bencana ASEAN (ASEAN Day for Disaster Management - ADDM) yang berlangsung di Aras Bawah, Lobi Atrium, Times Square Shopping Mall, Berakas, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan (MBK).

ADDM disambut setiap tahun pada 13 Oktober dan sambutan berkenaan diadakan bersempena dengan Hari Antarabangsa Pengurusan Risiko Bencana (IDRR) anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berfungsi sebagai platform dalam memperkukuh ketahanan terhadap bencana dan semangat perpaduan dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

Sambutan ADDM kali ini turut dimeriahkan dengan pameran kesiapsiagaan daripada pelbagai pihak berkepentingan yang terkait dengan pengurusan dan tindak balas bencana yang terdiri

daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Kerja Raya (JKR), iaitu Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik (BKTKS) dan Jabatan Saliran dan Pembetungan (DDS); Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam (BDMD), Pejabat Perubahan Iklim Brunei Darussalam (BCCO), CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre (MPTC), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Maritime & Port Authority Brunei Darussalam (MPABD), Brunei Red Crescent (BRC), Brunei Shell Petroleum (BSP), Takaful Brunei Am Sdn. Bhd. (TBA), Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sdn. Bhd., Brunei Darussalam Amateur Radio Association (BDARA), Ahli Disaster Preparedness Coordinator (DPC) NDMC dan Ahli ASEAN Emergency Response & Assessment Team (ASEAN-ERAT).

Secara strategik, acara sambutan ADDM berkenaan mencerminkan perpaduan dan komitmen negara dalam memastikan segala tindak balas bencana dapat digerakkan secara bersepadu, sekali gus meningkatkan keberkesanan daya tahan nasional secara menyeluruh.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ahli-ahli MBK, perwakilan ASEAN di NBD (termasuk para Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi), Ahli-ahli DPC yang diiktiraf oleh NDMC, wakil-wakil agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk sektor swasta dan IPT.

PERTUNJUKAN BUNGA HIDUP WARNAI SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Pertandingan dan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat melawat Pertunjukan Bunga-bunga Hidup serta Seni Gubahan Bunga yang diadakan di Taman Rekreasi Menteri Besar, Berakas.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

BERAKAS, Sabtu, 11 Oktober. - Majlis Perasmian Pertandingan dan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025, Peringkat Daerah Brunei dan Muara diadakan di Taman Rekreasi Menteri Besar, Berakas.

Majlis ini merupakan anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) dengan sokongan Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Dr. Haji Muhammad Majdi bin Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pertandingan dan Pertunjukan Bunga - bunga Hidup mengongsikan bahawa acara ini bukan sahaja menjadi wadah untuk menyerlahkan kreativiti peserta, malah turut berperanan sebagai platform bagi meningkatkan kesedaran dan penghargaan masyarakat terhadap penjagaan



serta pemeliharaan alam sekitar.

Tambah beliau, dengan bertemakan 'Keindahan dan Kebersihan Alam Sekitar Asas Kesejahteraan Negara', penganjuran acara ini diharap dapat memupuk minat masyarakat terhadap seni tanaman hiasan dan landskap serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menghargai dan memelihara keindahan alam sekitar.

Majlis juga diselitkan dengan Peraduan Seni Gubahan Bunga, di mana seramai 10 orang peserta daripada jemputan yang hadir telah menunjukkan kreativiti dan kepakaran melalui gubahan bunga secara spontan.

Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah bagi Pertandingan dan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup serta Seni Gubahan Bunga oleh tetamu kehormat majlis.

Acara ini telah mempertandingkan sebanyak 13 kategori tanaman dan seramai 34 orang peserta telah mengambil bahagian dengan sebanyak 215 pohon bunga yang

dipertandingkan.

Para pemenang bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai dan sijil penghargaan di mana tempat pertama menerima wang tunai BND100; tempat kedua BND80; tempat ketiga BND50 dan sugu hati BND20.

Bagi Kategori Seni Gubahan Bunga, tiga orang pemenang turut menerima hadiah masing-masing sebanyak BND30; BND20 dan BND10.

Sijil penghargaan turut disampaikan kepada panel-panel hakim serta agensi dan pempamer yang mengambil bahagian dalam pameran rekaan landskap.

Selain itu, Anugerah Best of the Best turut disampaikan kepada pemenang keseluruhan iaitu Awang Haji Hamdan bin Haji Othman yang menghantar Bunga Athurium Lookeri Variegated dalam Kategori Tanaman Dalam Daun Berbagai Warna, menerima tiket penerbangan ulang alik ke Kota Kinabalu yang ditaja oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB).

Majlis diakhiri dengan lawatan

tetamu kehormat ke tapak pameran bunga-bunga dan tanaman hiasan yang turut dibukakan kepada orang ramai sepanjang tempoh penganjuran.

Majlis ini turut disokong oleh Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, D'Sunlit Sdn. Bhd., KN Nursery (B) Sdn. Bhd., MS Abdur Rahman Sdn. Bhd., Lasar View Sdn. Bhd., Kilang Maskayu Sdn. Bhd. dan Md Raffie Construction.

Turut hadir ke majlis perasmian tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, ketua - ketua jabatan, divisyen, unit serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara Pertunjukan Bunga-bunga Hidup dibukakan kepada orang ramai dari Sabtu, 11 Oktober 2025 hingga Ahad, 19 Oktober 2025 dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam di Taman Rekreasi Menteri Besar.

Memperkasa, membangunkan kompetensi Perkhidmatan Awam



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 11 Oktober. - Seramai lima pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah tamat menyertai Program

Perkembangan Perkhidmatan Awam Kali Kedua dengan majlis penutup yang diadakan di Public Service Division, Republik Singapura.

Hadir pada majlis berkenaan,

SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir pada Majlis Penutup Program Perkembangan Perkhidmatan Awam Kali Kedua.

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin; Timbalan Setiausaha Tetap (Transformasi), Bahagian Perkhidmatan Awam Republik Singapura, Ang Puay Kim; dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman.

Turut hadir ialah wakil-wakil dari Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD) di Republik Singapura.

Awang Ajman dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Republik Singapura serta agensi-agensi yang terlibat atas sokongan padu dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan program, yang mencerminkan persahabatan erat dan kepercayaan bersama antara NBD dan Republik Singapura.

Sepanjang tempoh program selama setahun katanya, para

pegawai yang terlibat telah ditempatkan di beberapa agensi utama Perkhidmatan Awam Republik Singapura, termasuk Public Service Division, Ministry of Health, National Environment Agency, dan Singapore Food Agency.

Penempatan berkenaan tambahnya, telah memberi pendedahan yang bernilai kepada para pegawai terhadap amalan terbaik, strategi inovatif sektor awam, serta kerjasama rentas agensi dalam bidang-bidang utama seperti transformasi sektor awam, kesihatan awam, perubahan iklim dan kawalan pencemaran, serta keselamatan makanan.

Melalui program berkenaan, para pegawai berpeluang untuk menimba pengalaman kerja melalui penempatan di agensi kerajaan Republik Singapura dalam bidang-bidang keutamaan ke arah meningkatkan dan membangunkan kompetensi, meluaskan rangkaian profesional serta menyumbang kepada perkembangan Kementerian masing-masing serta khasnya dan juga perkembangan pihak secara amnya.


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**
Pemberitahuan Sebut Harga
**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0036 / 2025
Pembekalan Dakwat / Toner / Ink
Cartridges Untuk Divisyen
Perlesenan Dan Penguatkuasaan,
Jabatan Perikanan

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0037 / 2025
To Conduct Clearing And
Cleaning Of The Culvert And Tree
Cutting Works At Shrimp
Aquaculture Site, Pangkalan
Sibabau Zone 2,
Kg. Mentiri Fisheries

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0038 / 2025
To Repair And Replace Faulty
Gearbox Including Other Related
Works For BG2878 Mitsubishi
Pajero, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
30 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


Pemberitahuan Sebut Harga
Bilangan Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0039 / 2025

Tajuk Sebut Harga:

Sebut Harga Bagi Penyediaan
Jamuan Berhidang
Bagi Acara Majlis Sembahyang
Sempena Hari Peladang,
Petani, Penternak Dan Nelayan
(HPPPN)
2025 Secara Terbuka

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**
Nama Projek:

Three (3) Years Term Contract For
General Maintenance Works
At RPN Kg Meragang,
Brunei-Muara District,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek:

JKP / 02 / 2025

Tarikh Buka Tawaran:

Isnin,
13 Oktober 2025

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
28 Oktober 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:

Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:

BND50.00
[Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen:

BND5.00
[Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]


KEMENTERIAN PERTAHANAN
Rujukan Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2025 / LB /
TA / 010

Pembelian Unmanned Aerial
Vehicle And VTOL Unmanned
Aerial Vehicle With Associated
Accessories

Yuran Tawaran:

BND 10.00
(Tidak Dikembalikan)
Tarikh Terakhir Bagi Pembelian
Borang Tawaran Adalah Satu
(1) Minggu Sebelum
Tarikh Tutup Tawaran,
iaitu Selasa,
21 Oktober 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**
Bilangan Tawaran:

43 / JPD / JKSH /
2025-2026

Tajuk Projek:

Projek Supply, Delivery,
Installation, Support And
Maintenance Of IT Workstation
And Licenses For Land
Transport Department

Yuran Tawaran:

BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
21 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran:

JDB / BKPD / SH / 15 / 2025

Tajuk Tawaran:

Renovation Works
On Balai Raya Kampung
Sungai Teraban

Bilangan Tawaran:

JDB / BKPD / SH / 16 / 2025

Tajuk Tawaran:

Renovation Works
On Balai Raya Sungai Liang

Yuran Tawaran:

BND5.00

Tarikh Tutup:

Selasa,
21 Oktober 2025


**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**
Bilangan Tawaran:

PPN / LIBRARY / BUU / QTN /
2025 / 10 / 1

Tajuk Tawaran:

Term Contract (12) Months For
Cleaning And
Housekeeping Works Of The Law
Building, Attorney General's
Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Bandar Seri Begawan

Bilangan Tawaran:

PPN / LIBRARY / BUU / QTN /
2025 / 10 / 2

Tajuk Tawaran:

Quotation For Supply And Delivery
Of Textbooks For
Collections Of The Law Library
(Part 2), Attorney General's
Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**
Bilangan Tawaran:

JPE / LTK / JAN / 067 /
2025

Tajuk Tawaran:

Supply, Delivery And Install Of
Gutor Uninterruptable
Power Supply (UPS) Parts At
Lumut Power Station

Tarikh Tutup:

11 November 2025
Selasa
(2.00 Petang)

Yuran Tawaran:

BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:

Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam
Kelas III, IV Atau V

Kategori:

E01


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Kelas & Kategori:

Terbuka

Tarikh Tutup:

Selasa,
28 Oktober 2025,
Jam 2.00 Petang

Bil. Tawaran:

KHEDN / LTK /
2025-04.02

Tajuk Projek:

Term Contract
(24 Months)
For Grass Cutting And
Cutting Trees Works To
Compound Area Under
Ministry Of Home Affairs,
Negara Brunei Daurssalam,
Retender II

Bilangan Projek:

KHEDN / BPE /
2106-04.02

Yuran Tawaran:

BND50.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning Of Cisco Switch
For Air Traffic Services Centre At
Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / LTK-04

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Isnin,
29 September 2025

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Isnin,
27 Oktober 2025

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
28 Oktober 2025





**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

Jawatan Kosong Sebagai

**Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)**

Bagi

Daerah Belait

1. Mukim Melilas
2. Mukim Labi

**Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada **Sabtu, 8
Jamadilakhir 1447 bersamaan 29
November 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
**+673 3334335 / 336 ext 1115 /
1127 / 1185.**



**Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Rumah Panjang
E3-EB4 (BND660 - BND875)**

bagi

Daerah Belait

1. Ketua Rumah Panjang Teraja,
Mukim Labi
2. Ketua Rumah Panjang Malayan,
Kampung Bukit Sawat
3. Ketua Rumah Panjang Bang
Taong @ Apak-Apak,
Mukim Sukang

**Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada **Sabtu, 8
Jamadilakhir 1447 bersamaan 29
November 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
**+673 3334335 / 336 ext 1115 /
1127 / 1185.**



**Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Belait

1. Ketua Kampung Sungai Teraban
2. Ketua Kampung Pekan Kuala
Belait A
3. Ketua Kampung Pandan E
4. Ketua Kampung Lumut 1
5. Ketua Kampung RPN Lumut
Kawasan 1
6. Ketua Kampung Pekan Seria
Kawasan 1
7. Ketua Kampung Pekan Seria
Kawasan 2
8. Ketua Kampung Sungai Bera
9. Ketua Kampung Panaga

**Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada **Sabtu, 8
Jamadilakhir 1447 bersamaan 29
November 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian **+673
3334335 / 336 ext 1115 / 1127 / 1185.**



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Nama Tawaran:
Tawaran bagi Perkhidmatan Mesin
Layan Diri 'Vending Machine
Service'

Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 67 /
BPKB / 08



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran:
(79) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:

To Supply and Install New Tensile
Fabric Roof for The Existing
Playground Area at Hassanal
Bolkiah National Stadium

2. Bilangan Tawaran:
(80) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:

To Supply and Install Solar
System for Existing Concourse
Lighting at Hassanal Bolkiah
National Stadium

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
23 Oktober 2025



1. Bilangan Tawaran:
(75) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:

Pakaian Uniform (Blazer) Bagi
Keperluan 33rd SEA Games,
Thailand Yang Akan Diadakan
Pada 9 Hingga 20 Disember 2025

2. Bilangan Tawaran:
(76) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:

Tracksuit, Collar Shirt &
Roundcheck Shirt Bagi Keperluan
33rd SEA Games, Thailand Yang
Akan Diadakan Pada 9 Hingga 20
Disember 2025

3. Bilangan Tawaran:
(77) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:

Badges (Butterfly Clip) Bagi
Keperluan 33rd SEA Games,
Thailand Yang Akan Diadakan
Pada 9 Hingga 20 Disember 2025

4. Bilangan Tawaran:
(78) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:

Bag Pack Bagi Keperluan 33rd
SEA Games, Thailand Yang Akan
Diadakan Pada 9 Hingga 20
Disember 2025

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
23 Oktober 2025



**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**

POS / T / 31 / JPP / 2025-2026
Pembelian 100 Biji
Delivery Side Box Dan Bracket
Untuk Motosikal

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
10 / JUNE / 2025 / KKBS / PJK /
16.43(R)

Tajuk Sebut Harga:

Mechanical And Electrical Term
Maintenance For A Period Of
Thirty-Six (36) Months For Outward
Bound Brunei Darussalam (OBBB)
Temburong, Brunei Darussalam
(Requotation)
1) Batang Duri Camp
2) Belalong Camp

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 30 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 114 / 25 - 26
Percetakan Dan Pembekalan
Untuk Cenderamata RTB

Bayaran Yuran:
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 15 Oktober 2025,
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk:
RTB / K / 98 / 25-26
Supply And Delivery Of Microphone
Arms, Headphones And Audio
Accessories For Radio Studio

Bayaran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 15 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN
KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 45

Tajuk Tawaran:
Working Visit Trip to Ulu
Temburong National Park,
December 2025 – January 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 46

Tajuk Tawaran:
To Provide Technical Tour
Services For Participants Of UN
Tourism Regional Workshop On
Measuring Sustainability Of
Tourism In Asia And The Pacific,
Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam,
18th - 20th November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Kelas :
VI Sahaja

Kategori:
KA01 & M03 Sahaja

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 043 / 2025

Nama Projek:
Menaiktaraf Loji Rawatan Air Dan
Penyumbungan Paip Air Utama
Bagi Ke Semua Daerah : Loji
Rawatan Air Bukit Barun Peringkat



**6 & 7,
Daerah Tutong (Fasa-1)**

Yuran Tawaran:
BND1,000.00(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas
II, III, IV atau V

Kategori
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 4 November 2025
Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T024 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap
Di Jalan Sultan Omar Ali Saifuddin
dan Di Beberapa Jalan Pilihan Di
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T024 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas
II, III, IV atau V

Kategori
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 4 November 2025
Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T025 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap
Di Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Menuju Jambatan Edinburgh
Termasuk Jalan Makam Kubah Diraja
Dan Batu Satu Interchange, Negara
Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga
(03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T025 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas
II, III atau IV

Kategori
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Selasa, 28 Oktober 2025

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 4 November 2025
Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran
Kecil, Lapangan Terbang Lama
Berakas, Bandar Seri Begawan
BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T023 / 2025
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Landskap Di Jalan Perdana Menteri
Dari Pusing Keliling P.M.O Ke Jalan
Haji Basir Termasuk Jalan Jerambak,
Jalan Sekolah, Jalan Simpang,
Ong Sum Ping, Jalan Jame' Asr
(Hujung Jambatan) dan Jalan
Gadong (Hujung Jambatan)
Negara Brunei Darussalam Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun

No. Projek:
JASTRE / BL / T023 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



Quality Control Materials For
Analysis In Nutrition & Toxicology
Laboratory

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Khamis, 27 November
2025.**

Borang Sebut Harga:
BND7.00


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

JPt / SH / 90 / 2025-2026
One Time Preventive Maintenance
Services For Nutrition & Toxicology
Tests

JPt / SH / 91 / 2025-2026
Perkhidmatan Mengangkat Dan
Membuang Sampah Bagi
Bangunan-Bangunan Di Bawah
Kawalan Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan Selama Tiga
(3) Tahun

JPt / SH / 92 / 2025-2026
Kerja-Kerja Pembaikan Am Dan
Elektrik Di Bangunan Flat Mulaut Di
Bawah Kawalan Jabatan Pertanian
Dan Agrimakanan

JPt / SH / 93 / 2025-2026
Pembinaan Saliran Baru Di KKP
Labi Lama, Daerah Belait

JPt / SH / 94 / 2025-2026
Pembekalan Dan Penghantaran
Laboratory Consumables

JPt / SH / 95 / 2025-2026
Membekal Dan Menghantar Elisa
Test Kits Dan Reference Control
Bagi Pemeriksaan Serologi Khusus
Bagi Penyakit Berjangkit Ternakan

JPt / SH / 96 / 2025-2026
Supply And Delivery Of Laboratory
Blenders For Multi-Mycotoxin
Analysis In Nutrition & Toxicology
Laboratory

JPt / SH / 97 / 2025-2026
Supply And Delivery Of Laboratory

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Ptang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 041 / 2025

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian
Sistem Paip Air Utama Dan
Tangki-Tangki Air Bagi Kesemua
Daerah: Membekal Dan
Memasang Paip-Paip Air Utama
Inlet Baru Ke Tangki Simpanan
Jerudong 1 Dan Tangki Simpanan
Rimba, Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Kelas:
(V / VI Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025 (Selasa)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

IMBASAN MINGGUAN



PARA peserta memulakan larian pada acara Brunei Run sempena Hari Jantung Sedunia 2025 anjuran Gleneagles JPMC dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.
- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

SEBAHAGIAN pameran semasa Majlis Perasmian Kelestarian@PB sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei (PB) yang berlangsung di Kampus Ong Sum Ping, PB. - Foto : Nurdiyanah Rajami.



ANTARA persembahan kebudayaan semasa raptai penuh Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

ANTARA persembahan yang dipersembahkan semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong yang berlangsung di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



ANTARA aksi pasukan lawan pada Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) 2025 anjuran Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Perbadanan TAIB selaku penaja utama liga.
- Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

PARA peserta semasa sesi senamrobik pada Majlis Pelancaran Pesta Konvo dan Walkaton Amal Jejak Hijau Bersama SMARTER Brunei yang berlangsung di Kampus Ong Sum Ping, Politeknik Brunei. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



سورکھ

ایلقکن بولي: تانمکن صفة حبه

جماعه یغ درحمتی الله،

بر تقوی له کیت کحضرة الله ﷺ دغن منیعکن کلیمان کفدن. سسوغکوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله ﷺ ایت ایاله اورغ یغ فالیغ بر تقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغنی الله ﷺ براوله کجیان دان کسلامتن ددنیا دان جوک داخیره.

الله ﷺ برفرمان دالم سورة مريم آیه ۹۶:

تفسیرن:

سسوغکوهن اورغ-اورغ یغ برلمان دان مغرجان عملان-عمالن صالح، توهن یغ مها فموره اکن منامکن دالم هاتی مریک فراسان کاسیه سایغ. (مریک دکاسیهی اولیه اورغ لاین دان دریضای اولیه الله).

جماعه یغ درحمتی الله،

آکام اسلام اداله آکام یغ ساعت ممنتیکن اُخوه دان مَحَبَّه یایت کاسیه سایغ کران ای مروفانن فطره سمولا جادی یغ دکورنیاکن الله ﷺ دالم نالوری ستیاف انسان. ملالوئی فراسان محبه اینله، الله ﷺ مغیعت هاتی ساورغ مؤمن دغن مؤمن یغ لاین. حال این دجلسکن ددالم حدیث رسول الله ﷺ. درقد نُعمان بن بشیر رَضِیَ اللہُ عَنْہُ، رسول الله ﷺ برسبدا: تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحِيهِمْ وَتَوَادِهِمْ وَتَخَاطُفِهِمْ، كَمَثَلِ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى عَضْوًا، تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالْشَّهْرِ وَالْحُمَى.

مقصودن:

کامو ملیهت اورغ-اورغ یغ برلمان دالم برکاسیه-سایغ، راس جینتا دان سالیغ ممیتو سسام مریک اومقام توبوه بادن. افیل ساتو اُغکوتا مغادو ساکیت، اُغکوتا لاین فون تیدق بولیه تیلور دان مراسا دمام. {حدیث روایة {امام بخاری}

جماعه یغ درحمتی الله،

تنفا اداان راس کاسیه سایغ، موغکین کیت اکن منجادی اورغ یغ ممنتیکن دیری سندیری دان تیدق ممیکیرکن مغنای کفنتیغن اورغ لاین. مک کظالمن دان فغانیایان فون بولیه ترجادی دان سوده فستی ای مروفانن قربواتن یغ برتننغن دغن شریعة اسلام.

سسوغکوهن آکام کیت مغحرامکن سکل بتتوق قربواتن ظالم کران ای اداله قربواتن کچی یغ تراسوق دالم دوسا بسر افته لاکي جک یغ دأنیای دان دظالمی ایت ایاله سودارا اسلامن سندیری. درقد أبو ذرّ الغفاري رَضِیَ اللہُ عَنْہُ، درقد نبی ﷺ بکیندا مریوایکن درقد الله عَزَّوَجَلَّ، سسوغکوهن الله ﷺ تله برفرمان: يَا عِبَادِيَ، إِنِّي حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي، وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ وَخُزْمًا، فَلَا تَظَالُمُوا.

مقصودن: واهای همباکو، سسوغکوهن اکو مغحرامکن کظالمن اتس دیریکو دان اکو منجادیکن حرام دانتارا کامو، مک جاغنه سالیغ منظمالی. {حدیث قدسی دروایتکن اولیه امام مسلم}

ادفون انتارا قربواتن ظالم ایت ایاله بولي. بولي اداله قربواتن تیغکه لاکو آکرسیف یغ برأولغ دان برتوجوان اونتوق مپاکیتی ایندیویدو لاین، سمادا دری سکی فیزیکل، میتل اتاوقون اِیموسی. کجلا بولي بولیه برلاکو دمان سهاج سام اد درومه، داینستیوسی فندییقن، دثقت کرجا، دجالن رای، دکاوسن کجیرانن ماهوقون ددنیا مایا.

جماعه یغ درحمتی الله،

بولي بولیه دهباکیکن کفد اُمقت جنینس:

فرنام: بولي لیسن یایت مغکوناکن فرکاتان اونتوق مپاکیتی سساورغ سقرتی ممگیل سساورغ دغن نام یغ مپاکیتی، مغوسیک اتاو مغایجیک، مغکوناکن فرکاتان کاسر اتاو کراس قد سساورغ.

کلوا: بولي فیزیکل یایت برتیندق کاسر اتاو آکرسیف کفد سساورغ اتاو بندا کقویاتن سقرتی موکول، مغمیل واغ اتاو بارغ برهرک سساورغ، ملونر سسواتو، موسنهنک هرتا اتاو بارغ کقویان سساورغ.

کیک: بولي موسیال یایت مپاکیتی سساورغ دغن مپیکن کمضرتن کانس اورغ لاین سقرتی ممیکرکن خبر اُغین مغنای سساورغ، میتتا اورغ لاین اکر تیدق برکاوان دغن سساورغ دان مغاسیغکن اتاو مولاوکن سساورغ دری کومقولن.

کامقت: بولي سیر یایت بولي ملالوئی فُغکونان کومقوتر، تیلیقون بیعبیت اتاو اف جوا فون میدیا الیکترونیك یغ لاین.

سسوغکوهن الله ﷺ مغاجر کیت اونتوق منجادی ساورغ همبا یغ سنتیاس طاعة کفد فرینتنهن، سالیغ مغحرمتی سسام مانسی دان برکاسیه سایغ انتارا ساتو سام لاین. اولیه یغ دمکین، مریک یغ ترلیبت دغن قربواتن منظمالی سقرتی بولي مستیله سدر بهاوا ستیاف قربواتن دان عملان کیت داتس موک بومی این اکن دنیلای اولیه الله ﷺ، دری سکجیل-کجیل قربواتن هیغک کسیر-بسر فرکارا. الله ﷺ برفرمان دالم سورة الکهف آیه ۴۹:

تفسیرن:

دان دلتقکنله کتاب (جاتن عمل قربواتن ستیاف اورغ) مک اُغکاو اکن ملیهت اورغ-اورغ یغ بردوسا ایت کتاوتن ترهادف اف یغ ترجات ددالمن دان مریک برکات: "ادوهاي جلاکاله کامي. کتاب افکه این؟ ای تیدق منیغکلکن یغ کجیل دان تیدق (جوک) یغ بسر ملایکن سوما دهیتوغن". دان مریک مندافتی اف یغ مریک تله کرجاکن ایت سدیا (ترجات ددالمن). دان توهنمو تیدق منظمالی ساورغ جوا فون.

جماعه یغ درحمتی الله،

ترداقت بیراف لگکه یغ بولیه کیت امبیل دالم مناعنی فمبولي دان ملیندوغي دیری کیت دری کجلا بولي، انتاران:

فرنام: کوغسی دان بریتاهو مسئله این کفد ایو باف، اهل کلوارک، کورو دان راکن یغ دفرجیای مغنای اف یغ سدغ برلاکو. جاغن ممیقن مسئله این ساورغ دری.

کلوا: جاغن برتیندق بالس دغن ککانسن، والاوقون کیت مراسا ماره دان کجیوا. این کران ای هان اکن ممبوروقکن کادان. سبالیقن، جوبا ککلکن برصفة تنغ دان بریدر دری سیتواسی ترسیوت.

کیک: ایلقکن ثقت بریسیکو. ایلقکن برساورغن کثمت-ثقت کیت سریغ دیولی. سبایکن، فرکی برسام راکن اتاو میتتا سساورغ اونتوق مغاوسی کاوسن ترسیوت.

کامقت: جاغن ساهکن دیری سندیری. جاغن بیارکن فمبولي ممیوات کیت مراسا رنده دیری دان ترکان.

کلیم: لاقورکن کفد قیق برکواس سکیران کجلا بولي ایت برتروسن.

جماعه یغ درحمتی الله،

فُغکونان اینترنیت کینی منجادی تیکنولوجی یغ فالیغ فسات برکمیغ، ماله ای دلیهت سبکای ساتو کفرلوان کیت قد ماس کینی. ادفون انتارا کموداهن یغ سریغ دکوناکن دان سماکین برکمیغ فسات ایت اداله فُغکونان

میدیا سوسیال. ای تله مپدیاکن رواغ اینترکسی دان کومونیکاسی تنفا باتسن یغ ممپیکن کجادی بولي سیر سماکین برلالواسا.

سبکای فُغکونا یغ بیحق دان برتغکوغجواب، کیت هندقله سنتیاس منجاک باتس فرکاوان دالم میدیا سوسیال باکی مغایلقکن فرکارا-فرکارا یغ بولیه ممپولکن بهاي دان مضرة سقرتی بولي سیر. این برتفتن دغن حدیث رسول الله ﷺ اکر کیت منجاهکن دیری درقد سبارغ بتتوق کمضرتن اتاوقون محضرتکن اورغ لاین. درقد أبو سعید بن یسّان الخُدَری رَضِیَ اللہُ عَنْہُ، رسول الله ﷺ برسبدا: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ.

مقصودن:

تیدق بولیه محضرتکن دان ممبالس کمضرتن دغن کمضرتن. {حدیث روایة {ابن ماجه}

بولي سیر بولیه ممیری کسن نیکاتیف یغ مندالم کفد ایندیویدو یغ منجادی مغسا. جوسزو، فرکارا این تیدق بولیه دامبیل موده دان تیدق هاروس دامبیل ریغن. این کران بولي سیر بولیه برلاکو ۲۴ جم سهاری دان سی فمبولي سیر جوک بولیه ممپویکن ایدینتی مریک، این ممپوکرکن مغسا بولي اونتوق مغل فستی دان مندافتکن فرلیندوغن.

باکی ممبندوغ دان معاتسی بولي سیر، بیراف جارا فُلو دامبیل اونتوق مناعنین انتاران دغن ممیقن بوقتی سقرتی تغکافن سکرین، میسیج اتاو فاوتن، سکات دان لافورکن فمبولي دفلاتفوم ترپایت، کوناکن تنقن فُریواسی اونتوق مغاول سیفا یغ بولیه مغهوبوغي کیت، جاغن یالس اتاو ملاوان دالم تالین دان دافتکن بتتوان درقد اورغ یغ دفرجایای اتاو بنتوان فُروفیسیونال. سسوغکوهن بولي سیر اداله مسئله دان اِیسو سربوس یغ ممبولکن فرهاتین دان تیندقن سکر. جاغن بیارکن بولي سیر مروسقکن هیدوف کیت اتاوقون هیدوف اورغ لاین.

جماعه یغ درحمتی الله،

ماریله کیت منزیه دیری کیت، کلوارک دان مشارکت دغن سالیغ مناصیحی دان تکور منکور ترهادف قربواتن یغ ممباوا کفد دوسا دان معصیه، افته لاکي یغ ممباوا کفد قربواتن ظالم دان فُغانیایان سقرتی بولي.

کوناکنله عقل فیکرن یغ تله دکورنیاکن الله ﷺ ایت دغن واجر دان سبایک-بایکن. جاوهیله دان ایلقکنله قربواتن بولي دان لقسناکنله فرانن دان تغکوغجواب ماسیغ-ماسیغ سبکای ساورغ اُتق، ایوباف، اهل کلوارک، کورو، مورید، صحابه، ماجیکن دان راکن سکرجا اونتوق معاتسی دان منجکه قربواتن بولي. سام-سامله کیت بردهاء سموک الله ﷺ سنتیاس ملیندوغي دیری کیت درقد ملاظکن توتور کات دان ملاکوکن تیغکه لاکو یغ بولیه مغوندغ دوسا دان کمورکان الله ﷺ اَمین یا رَبِّ العالمین.

تفسیرن:

کاتکنله: "سسوغکوهن توهنکو هان مغحرامکن قربواتن کچی سام اد یغ ترغ ماهوقون یغ ترسمبوی دان قربواتن دوسا سرتا منجروبووه (حق سسام مانسی) تنفا لسن یغ میمغ تیدق دبرکن، دان (دمکین جوک دحرامکن) کامو مفرسکوونکن الله دغن سسواتو یغ دی تیدق منورونکن بوقتی (یغ ممبرکنن)، دان (دحرامکن) کامو مفرکاتکن ترهادف الله اف یغ کامو تیدق کهوئی." {سورة الاعراف آیه ۳۳}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

Muka 6

PELITA BRUNEI Hari Rabu 6 Oktober, 1965

PENERANGAN DAN RADIO MENERATKAN HUBONGAN RAAAYAT DAN KERAJAAN

DALAM mengeratkan hubungan antara ra'ayat dengan Kerajaan, Jabatan Penerangan dan Siaran Radio ada-lah mengambil peranan yang utama dimana2 negeri jua dalam dunia ini.

Segala kesulitan dan kesamaran yang di-rasakan oleh ra'ayat mengenai langkah2 Kerajaan dalam lapangan2 tertentu hanya akan dapat di-jernihkan oleh perkhidmatan2 penerangan baik melalui akhbar mahupun siaran radio.

TUGAS PENTING

Tugas Jabatan Penerangan dan Siaran Radio di-anggap penting, kerana ia di-sifatkan sa-bagai alat penyambung "silatul-rahim" antara ra'ayat dengan Kerajaan.

Ia-nya juga merupakan sa-buah alat bagi membimbing ra'ayat ka-arah kesempurnaan dan kesejahteraan sesuai dengan peredaran waktu dan zaman.

Ra'ayat buta di-bawa ka-ruang chelek, bisu di-beri cherdek.



Y.M. AWANG G. V. DI FREITAS,
Pengarah, Penyiaran dan
Penerangan, Brunei.

lemah di-bangkit semangat, samar di-bawa ka-ruang cherah dan begitu-lah sa-terus-nya.

Kesemua ini dengan sa-chara langsung di-pikul oleh jabatan tersebut dengan tidak menyalahi peratoran, undang2 dan perlembagaan negeri, yang jabatan tersebut berkhidmat di-dalam-nya.

BANGUNAN BAHARU

Menyadari akan hal itu, maka Kerajaan Brunei yang di-pimpin oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dengan tidak banyak bichara, telah meluluskan rancangan bagi mendirikan sa-buah bangunan yang baharu bagi melichinkan perkhidmatan penerangan dan radio di-negeri ini.

Bangunan baharu ini akan di-bena sa-tinggi enam tingkat yang menelan belanja sa-banyak \$1½ juta ringgit.

Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang baharu saja di-tubuhkan di-negeri ini akan

juga di-tempatkan dalam bangunan yang sama. Dan dengan itu bangunan tersebut di-namakan Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Pada 29 September, 1965 yang baru lalu yang juga merupakan hari Perlembagaan Negeri Brunei, upacara meletakkan batu asas bangunan tersebut telah di-laksanakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Bangunan yang baru itu di-jangka akan siap di-bena pada hujung tahun hadapan.

Dalam titah ucapan di-upacara itu, Baginda telah mensifatkan bangunan tersebut sa-bagai sa-buah bangunan Jabatan yang penting bagi mengeratkan hubungan antara ra'ayat dengan Kerajaan.

Baginda juga telah menchurahkan harapan supaya kedua2 jabatan yang akan menduduki bangunan itu akan lebih lichin lagi dalam menyempurnakan perkhidmatan masing2 dengan tidak menempoh sa-barang kesulitan.

KESULITAN DI-TEMPOH

Sejak beberapa tahun yang lampau, perkhidmatan2 radio Brunei dan Jabatan Penerangan telah di-jalankan dalam bangunan yang kechil lagi sempit yang menyebabkan beberapa kesulitan telah timbul dan terpaksa di-tempoh oleh pegawai2 di-dalam-nya.

Tetapi dengan bangunan baharu ini akan memberi kawasan2 yang luas untuk pejabat2, studio2 dan sa-buah dewan yang akan memudahkan orang ramai dudok dengan senang bagi menikmati ranchangan2 radio dan pertunjukan2 pentas.

Persediaan2 bagi menyusun pegawai2 yang akan bertugas dalam jurusan2 yang tertentu telah pun di-ator menurut sa-bagaimana sistem yang telah di-gunakan oleh negeri2 yang maju dalam dunia ini.

Beberapa orang pegawai yang baharu dalam lapangan2 tertentu telah pun di-iklankan dan pegawai2 yang memenohi jawatan tersebut telah mula menjalankan tugas mereka masa ini. Besar kemungkinan beberapa



Y.B. DATO PADUKA AWANG HAJI
MD. JAMIL, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

orang pegawai2 yang penting bagi melichinkan perkhidmatan penerangan dan radio akan di-tambah.

Ada-lah tidak dapat di-sangkal lagi bahawa Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang ada masa ini telah dapat menjalankan tugas2-nya dengan sempurna, walaupun bilangan pegawai2-nya maseh kekurangan dengan kesulitan2 yang terpaksa di-tempoh.

Tetapi pada masa yang akan datang ini, dapat-lah di-ramalkan bahawa perkhidmatan penerangan,

baik melalui akhbar dan siaran radio akan dapat berjaya dengan lebih lichin lagi dengan sistem baru dan lengkap yang sedang di-ator masa ini.

Bagitu juga hal-nya dengan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan dapat memesatkan perjuangan-nya sa-bagai sa-buah Yayasan Bahasa yang bertugas menjalankan maksud Kerajaan merasmikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi negeri ini menurut chatetan Perlembagaan 1959.

LIMA PRINSIP

Tugas2 itu di-dasarkan atas lima prinsip yang antara-nya mensesuaian pemakaian Bahasa Melayu yang telah di-jadikan Bahasa Rasmi negeri ini mengikut kehendak perlembagaan.

Jabatan ini juga berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meninggikan bahasa Melayu dan menggalakkan orang2 yang berkebolehan dalam mempelajari Bahasa Melayu.

Menurut tujuan dasar-nya, jabatan ini juga bertanggung jawab bagi menentukan pengeluaran buku2, baik yang merupakan buku2 pelajaran untuk sekolah2, mahupun buku2 bagi bacaan umum.

PERINGKAT PERTAMA

Menilek kapada peranan yang begitu penting dan berat, jabatan ini juga telah menempoh beberapa kesulitan, terutama sa-kali keadaan tempat dan kekurangan kaki tangan.

Namun bagitu, kejayaan dalam perjuangan-nya yang merupakan peringkat pertama telah di-chapau dengan lichin-nya sejak jabatan ini di-tubuhkan pada 16 September, 1961.

Perjuangan peringkat pertamanya itu bagi mendaulatkan Bahasa Melayu di-negeri ini ia-lah dengan mengadakan sambutan "Minggu Bahasa" dan "Bulan Bahasa" dan menerbitkan beberapa buah buku pelajaran Sekolah2 Melayu di-negeri ini.



Dalam gambar ini kelihatan bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei sekarang ini (hadapan). Di-belakang ia-lah bangunan Jabatan Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Oleh : Irsalina Nazihah Talip
dengan kerjasama Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan
dari Balai Khazanah Islam
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

الزهرابي تورت دكنلي سباگاي
فلوور كقد بيراف قنموان قنتيغ لائين
دالم سجاره فراوتبن. بلياو مروفاكن اورغ
قرتام يغ مبينجفكن تنتغ كندوثن لوار
رحيم دان قپاكت هيموفيليا. سلائين
ايت، بلياو مثيرينچيكن قاعده
cauterization اتاو قمبركن لوك اونتوق
مغنيتيكن قنارهن، سرتا مثيركنلكن
قغكونان forceps دالم اوبستيتريك
باغي مبينتو كلاهيرن يغ سوكر. اينوواسي^٢
اين مبري قغاروه بسر ترهادف قركمبغن
علمو قريدنن دان قمبرهن ددنيا بارت.

سومبغن الزهرابي جوك ترسرله
ملالوي فلسفه فراوتبن يغ منكنن
اسفيك ايتيكا كدوكتورن. بلياو منكنن
كفنتيغن هوبوثن بايق انتارا دوكتور
دغن قساكت، منجاك اخلاق سرتا امانه
دالم منجانكن راوتن. بلياو منولق عملن
خرافت دالم فراوتبن دان منكنن
قمرهاتين كلينيكل يغ تليتي سرتا بوقتي
پات سباگاي اساس كقد دياكونسيس دان
راوتن يغ بركنسن. قندكتن اين مثيرليهنكن
قنداغن بلياو يغ جاوه مندهلوي زمانن.

سهيغك كيني، نام الزهرابي تروس
دأباديكن دالم سجاره فراوتبن دنيا. بايق
هوسقيل، اينستيتوسي فراوتبن دان
قرسيدانن انتارابغسا منامان انوگره سرتا
قوست قيليدين سمفنا نام Abulcasis
(الزهرابي) سباگاي تندا قفحرمتمن
ترهادف جاس بلياو. تيدق كترلالوان
اونتوق مپاتاكن بهاوا قميكرن دان
قنموان الزهرابي تله مبريكن كسن يغ
مندالم، بوك سهاج كقد دنيا اسلام،
ماله تورت مثيروهي قركمبغن فراوتبن
مودن دسلوروه دنيا. بيوگرافي ريفكس
مغناي بلياو تله دكوغسيكن دگالي ٥،
كالي واريثن علمو، بالاي خزانه اسلام
سلطان حاج حسن البلقيه.



جاهيتن دالمن مئكونان بنغ catgut،
يغ سهيغك كيني ماسيه دعملكن دالم
قمبرهن مودن.

كاريا اكوغ بلياو، كتاب
التصريف، مروفاكن سبواه اينسيكلوڤيديا
فراوتبن يغ تدريري درقد ٣٠ جيليد دان
دسپاكن سكيتر تاهون ١٠٠٠م. كتاب
اين مرغكومي قلباگاي بيدغ علمو سقري
قريكين، قريدنن، فرماسي،
اوفتمولوغي، اورتوفيديك دان قمبرهن.
كندوثن مروفاكن هيمفونن قغالمن
الزهرابي سقنجغ همفير ٥٠ تاهون
كراجين سباگاي دوكتور، ترماسوق
لاتيغن، قفاجرن دان عملن فراوتبن.
دالم كتاب ترسبوت، بلياو منكنن تنتغ
كفريهاتينن ترهادف قنجاگان قساكت.
كتاب اين كمودينن دترجمهكن اوليه
جيراردو الكريموني كدالم بهاس لاتين
دغن جودول Chirurgia (علمو بده)،
سبلوم تورت دترجمهكن كدالم بهاس
عبرية، فرانچيس دان ايفغريس. سلاما
برابد-ابد، اي منجادي رجوعن اوتام
داونيورسيتي-اونيورسيتي تركموك ايروقه
سقري مونبليه دان سرنو، سكالي كوس
مبوك جالن كقد قركمبغن
Renaissance دالم بيدغ فراوتبن.

الزهرابي: باف بده مودن

قنديدين بلياو برمولا دقرطبة،
دمان بلياو مندالمي بيدغ فراوتبن،
قمبرهن دان فرماسي. بلياو برأصل درقد
كتورونن قواق أنصار عرب يغ تله لاما
منتغ دسقاڤول، كاوغكولنن سباگاي
توكوه فراوتبن مودن ترسرله سهيغك
تركنل دسقاڤول، افريكا اوتارا، كراجان
إسلام تيمور دان ايروقه بارت. قد اوسيا
٢٥ تاهون، الزهرابي تله برخدمت
سباگاي فاكر فراوتبن ايستان باغي
قمرينته أندلوس، خليفة المنصور. هيغك
كيني، بلياو ماسيه دأعتراف سباگاي ساله
ساورغ فاكر بده قالغ برقغاروه دالم
سجاره فراوتبن.

سومبغن بسر الزهرابي داقت
دليهت ملالوي قنچيشتانن لبه درقد
٢٠٠ اينسترومن قمبرهن، ترماسوق
كلغكشن يغ بركايتن دغن قريكين،
قمبرهن دان فرماسيوتيك. اتس
سومبغن اين، قارا قفعمل فراوتبن مودن
مپانجوغ بلياو سباگاي باف اهلي فرماسي
دان اهلي كيميا أندلوسيا. انتارا اينوواسي
قنتيغ يغ دفركنلكن اياهل قروسيدور

سهيغك كهاري اين، دنيا تله ملاهيركن
راماي توكوه چردس يغ مميقي قميكرن
ماجو دان برجاي مپاوا فراويهن بسر كقد
سسواتو بغسا كاره كبايقن. سومبغن
مريك بوك سهاج ترباس دالم بيدغ
تيكنولوغي، بهكن مرغكومي قلباگاي
لاقغن علمو لائين. انتارا توكوه يغ
مبغكاكن دنيا اسلام اياهل الزهرابي،
ساورغ علمون يغ تركنل دغن قنموان-
قنموانن دالم بيدغ كدوكتورن. بلياو سريغ
دكلر سباگاي دوكتور يغ برقغاروه دولايه
ايروقه كران كاريا-كاريان يغ بايق بركايتن
دغن علمو فراوتبن.

الزهرابي اتاو نام قنوه بلياو أبو
القاسم خلف بن عباس الزهرابي
دلاهيركن قد تاهون ٣٢٥هـ/٩٣٦م دبندر
الزهراء برهمفيرن قرطبة، أندلوس دان
منيغكل دنيا قد تاهون ٤٠٤هـ/١٠١٣م.
دبارت، بلياو لبه دكنلي دغن كلرن
Abulcasis دان داغكف سباگاي باف بده
مودن. بلياو مروفاكن ساورغ اهلي بده
ترسوهور دأندلوس دان دأعتراف سباگاي
فاكر قمبرهن تراولوغ قد زمانن.

PELUANG ISTIMEWA BERTEMU SECARA DEKAT RAJA TERCINTA



DAYANG Syazwani binti Haji Rosli mewakili NiAT bergambar ramai bersama rakan-rakannya.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Oktober. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menyerlahkan keistimewaan dan menjadi platform untuk merapatkan hubungan antara raja dan rakyat melalui suasana mesra, harmoni dan penuh semangat perpaduan.

Majlis yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di Bandar Seri Begawan pagi tadi memberikan peluang kepada mereka yang tinggal di Daerah Brunei dan Muara untuk bertemu dengan raja yang dikasihi

serta terus menjadi saksi ketaatan rakyat kepada raja yang tercinta.

Rory Dixon wakil dari CfbT, menceritakan bahawa tahun ini merupakan tahun kelima beliau turut serta dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk. Beliau menyatakan, sambutan yang diadakan dirasakan amat meriah dan memberikan peluang yang istimewa untuk bertemu secara dekat dengan rakyat dari pelbagai latar belakang.

Tambahnya, setiap tahun beliau merasa teruja untuk menjadi sebahagian daripada keramaian dan kemegahan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat.



RORY Dixon wakil dari CfbT.

dan Penduduk kerana baginya ia bukan mudah untuk memiliki peluang berjumpa dan beramah mesra Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

"Baginda seorang raja yang sangat merendah diri dan bahkan bertutur dengan kami dalam bahasa Inggeris walaupun kami cuba menggunakan bahasa Melayu. Ia satu kenangan yang amat bermakna sepanjang enam tahun saya berada di Brunei," jelas beliau.

Manakala Hadi Junaidi dan Nafizuddin wakil dari Brunei International Airport Cargo Centre (BIACC) turut berkongsi pengalaman pertama mereka menyertai Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat.

Mereka menjelaskan, majlis seperti ini sangat penting kerana ia bukan sahaja memberi peluang kepada rakyat khususnya generasi muda untuk bertemu dan beramah mesra dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, majlis juga menjadi wadah kepada rakyat untuk menyatakan rasa terima kasih dan menyampaikan rasa syukur di atas pemeduliaan baginda dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan terpelihara.

Ujar mereka, baginda adalah seorang raja yang pemurah dan sangat mengambil berat akan kebajikan rakyat dan negara.

Manakala Dayang Syazwani binti Haji Rosli mewakili NiAT menjelaskan, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat menjadi medan penting dalam mengeratkan hubungan antara raja dan rakyat.

Ia bukan sahaja memupuk kasih



PENGUNJUNG dari Republik Singapura, Radha Nagarajan semasa bergambar ramai.

sayang antara raja dan rakyat, bahkan memperkukuh kestabilan dan keharmonian masyarakat, serta kemakmuran negara. Hubungan akrab ini merupakan asas kepada pemerintahan yang berteraskan kepercayaan, perpaduan dan kesejahteraan nasional.

Keistimewaan Majlis Ramah

Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk turut menarik perhatian seorang pengunjung dari Republik Singapura, Radha Nagarajan, yang julung kali menghadirinya. Beliau menyifatkan institusi beraja Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah monarki moden yang dekat di hati rakyat.



HADI Junaidi dan Nafizuddin wakil dari Brunei International Airport Cargo Centre (BIACC).

Peluang eratkan ikatan kekeluargaan, meluangkan masa bersama

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Oktober. - Lebih 20 ribu orang hadir bersama-sama keluarga dan rakan-rakan bagi menyaksikan pertunjukan cahaya dron dan bunga api pada Malam Gemilang UBD Drone Show anjuran bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) yang berlangsung dengan penuh warna-warni di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas pada malam tadi.

Meskipun kapasiti tempat duduk yang terhad di dalam stadium, orang ramai turut memenuhi perkarangan kawasan SNHB bagi menyaksikan acara yang cukup menghiburkan berkenaan.

Salah seorang pengunjung yang sempat ditemui oleh Pelita Brunei, Dayang Nur Ezzati binti Morni yang datang bersama ahli keluarganya seawal petang tadi sempat mengongsikan keterujaannya menyaksikan pertunjukan

berkenaan.

Jelasnya, dia berasa cukup teruja datang ke sini bersama lapan ahli keluarga dari Daerah Tutong. Meskipun ramai orang yang datang sejak petang tadi, lalu lintas dan akses menuju ke sini boleh dikatakan cukup lancar dan memuaskan.

"Tambahan lagi dengan adanya perkhidmatan *shuttle bus* yang banyak membantu para pengunjung untuk meletakkan kenderaan di beberapa tempat berasingan di sekitar lokasi pertunjukan ini diadakan.

"Namun sebahagian keluarga kami juga meletakkan kenderaan di kawasan berhampiran dan berjalan kaki menuju ke kawasan stadium kerana datang lebih awal," katanya lagi yang cukup terkesan mengenai pengendalian acara pada kali ini.

Menurutnya lagi, lokasi acara diadakan di SNHB berkenaan juga dilihat cukup bersesuaian berbanding di tempat lainnya

memandangkan ia dapat diakses daripada pelbagai sudut dan memudahkan orang ramai datang.

Meskipun berasa sedikit kecewa kerana tidak berpeluang mendapatkan tiket masuk ke dalam stadium disebabkan jumlah yang terhad, Awang Sarifful Rizal Sinkon tidak berputus asa untuk hadir ke acara berkenaan dan menyaksikan pertunjukan dari perkarangan stadium bersama keluarganya terutama sekali anak-anaknya yang cukup teruja menyaksikan pertunjukan berkenaan.

Jelasnya, mereka sekeluarga datang sekitar jam 6.00 petang bagi menyaksikan pertunjukan pada malam berkenaan memandangkan anak-anak ikut teruja menyaksikannya bersama orang ramai.


"Meskipun tidak sempat untuk mendapatkan tiket pada beberapa hari yang lalu, saya tetap membawa anak-anak kerana telah berjanji kepada mereka untuk menyaksikan pertunjukan dron pada malam ini.

"Saya berharap agar ia dapat diadakan pada setiap tahun bagi memberi peluang kepada orang ramai menyaksikan pertunjukan menarik seperti malam ini," tambahnya lagi.

Sementara itu, salah seorang pengunjung dari Kampung Birau, Daerah Tutong yang sempat ditemui Pelita Brunei, Awang Mohammad Zaihairol Afq bin Haji Zainuddin turut memuji penganjuran acara Malam Gemilang UBD Drone Show berkenaan yang baginya mampu menjadi wadah penyatuan keluarga dan rakan-rakan.

Menurutnya, dia datang bersama adik-beradik serta kedua-dua ibu bapanya ke acara berkenaan bukan saja bagi menyaksikan pertunjukan menarik

AWANG Mohammad Zaihairol Afq bin Haji Zainuddin semasa ditemu bual.



namun menggunakan peluang ini untuk mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan dengan meluangkan masa bersama-sama pada malam ini.

"Meskipun masing-masing sibuk dengan kerjaya dan kehidupan sehari-hari namun pada malam ini, kami secara tidak langsung berpeluang menghabiskan masa bersama keluarga tercinta kami dalam suasana yang penuh meriah.

"Seperti keluarga kami, ramai lagi keluarga lain yang datang bersama ahli keluarga dan rakan masing-masing ke sini untuk menikmati masa kebersamaan bersama orang-orang yang tersayang serta meninggalkan sejenak kesibukan pekerjaan dan lainnya," jelasnya lagi.



DAYANG Nur Ezzati binti Morni bersama keluarganya yang berkunjung ke acara tersebut (kiri sekali). Sementara gambar kiri, antara orang ramai yang hadir bagi menyaksikan acara berkenaan di pekarangan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

LOJI JANA KUASA CHINA MENJADI SUMBER PEMINDAHAN TEKNOLOGI, KEMAHIRAN KEPADA BAKAT TEMPATAN KEMBOJA



HUADIAN Sihanoukville Power Generation Co., Ltd. di Sihanoukville, barat daya Kemboja.

SIHANOUKVILLE, Kemboja, 12 Okt. - Kheang Chankompheak, seorang lelaki Kemboja berusia 25 tahun, kini telah menguasai penyelenggaraan turbin selepas bekerja untuk loji jana kuasa arang batu China selama tiga

tahun. Tidak lama selepas menamatkan pengajian dengan ijazah sarjana muda dari Institut Teknologi Kemboja, Chankompheak ditawarkan pekerjaan pada 2022 di Huadian Sihanoukville Power

Generation Co. Ltd., yang merupakan pengendali loji jana kuasa 700 MW di wilayah pantai barat daya Sihanoukville.

Chankompheak berkata dia berbangga kerana bekerja untuk salah satu loji jana kuasa terbesar Kemboja dan telah mempelajari teknologi dan kemahiran baharu. Di kilang itu, beliau telah dilatih dalam penyelenggaraan turbin, termasuk pemeriksaan rutin, pemeriksaan sistem pelinciran dan pemantauan prestasi untuk memastikan kecekapan dan kebolehpercayaan.

"Kami bertanggungjawab memeriksa, menyelenggara dan memperbaiki mesin," katanya kepada Xinhua pada Jumaat. "Syarikat itu telah memberikan kami kursus latihan selama tiga bulan mengenai kemahiran Cina dan teknik (penyelenggaraan turbin)".

Chankompheak berkata pekerjaan itu bukan sahaja memberinya pengalaman berharga, malah menambah baik rezekinya, kerana syarikat itu menawarkan gaji yang lumayan.

"Setiap bulan, saya boleh membekalkan sekurang-kurangnya 300 hingga 400 dolar AS kepada keluarga

saya, dan juga, saya boleh menyimpan untuk diri sendiri daripada 200 hingga 300 dolar," katanya. "Rakan sekerja Cina dalam syarikat ini baik hati dan suka menolong," kata Chankompheak. "Apabila kami mempunyai makanan yang lazat, kami selalu mengajak satu sama lain untuk makan bersama".

Dilancarkan pada Disember 2022, loji jana kuasa itu, anak syarikat Huadian Overseas Investment Company, bukan sahaja telah meningkatkan kestabilan, kebolehpercayaan dan daya tahan tenaga elektrik Kemboja, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan kehidupan tempatan melalui penciptaan pekerjaan.

Dun Chanda, seorang jurubahasa Khmer-Cina berusia 26 tahun di Huadian Sihanoukville Power Generation Co. Ltd., berkata dia telah bekerja di kilang itu selama dua setengah tahun dan kilang itu telah menyediakan kemahiran khususnya dengan gaji yang berpatutan.

"Saya berasa gembira bekerja di sini kerana saya telah memperoleh banyak pengetahuan," katanya kepada Xinhua. "Pendapatan bulanan lumayan, membolehkan saya menyara diri dan menambah

rezeki keluarga," katanya. "Pekerjaan di sini telah mengubah hidup saya. Saya boleh menyara keluarga saya dan membantu mereka membina rumah".

Loji jana kuasa itu merupakan salah satu projek mega pelaburan China di Kemboja di bawah rangka kerja kerjasama Belt and Road. Thong Mengdavid, pensyarah di Institut Pengajian Antarabangsa dan Dasar Awam Universiti Diraja Phnom Penh, berkata loji itu bukan sahaja membantu menstabilkan bekalan elektrik, tetapi juga membantu mengurangkan kos elektrik dan menarik pelaburan asing yang lebih besar.

"Loji jana kuasa telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kestabilan kuasa, mewujudkan pekerjaan, dan membangunkan tenaga kerja mahir dalam sektor tenaga," katanya kepada Xinhua.

"Selain itu, di bawah Inisiatif Belt and Road, China telah menyokong pembinaan beberapa loji kuasa hidroelektrik dan arang batu, menyumbang kepada pertumbuhan mampan Kemboja dan menggalakkan infrastruktur tenaga mesra alam yang menyokong pengeluaran tenaga yang lebih bersih," kata Mengdavid. - ©XINHUA

Sekurang-kurangnya 22 maut akibat hujan lebat landa Mexico

MEXICO CITY, 11 Okt. - Sekurang-kurangnya 22 orang terbunuh manakala ribuan rumah rosak selepas hujan lebat yang berterusan menyebabkan banjir serta tanah runtuh di bahagian tengah dan timur Mexico, lapor Xinhua memetik kenyataan pihak berkuasa pada Jumaat.

Korban tertinggi dilaporkan di negeri Hidalgo di timur Mexico, dengan 16 mangsa maut manakala

kira-kira 1,000 rumah mengalami kerosakan.

Di negeri Puebla, tengah Mexico, lima orang dilaporkan terbunuh dan 11 lagi hilang, sementara dua kematian direkodkan di Veracruz dan satu di Queretaro melibatkan seorang kanak-kanak, menurut pegawai tempatan.

Presiden Mexico, Claudia Sheinbaum berkata agensi persekutuan dan negeri sedang

bekerjasama untuk memulihkan bekalan elektrik serta jalan raya termasuk menyalurkan bantuan kepada mangsa.

Agensi perlindungan awam kebangsaan memaklumkan bahawa 31 daripada 32 negeri di Mexico terjejas akibat hujan lebat, dengan ribut tropika Raymond memperhebatkan lagi taburan hujan di sepanjang pantai Pasifik. - ©BERNAMA

Kerjasama Selatan-selatan penting untuk atasi cabaran abad ke-21

PHNOM PENH, 11 Okt. - Para sarjana serantau menyeru kerjasama yang lebih kukuh antara ASEAN dan negara-negara Selatan Global bagi menangani cabaran perdagangan serta geopolitik yang semakin meningkat, sambil menegaskan bahawa perlindungan terhadap rantaian bekalan adalah kunci kepada ketahanan ekonomi jangka panjang.

Pakar berpendapat ASEAN perlu terus memperkukuh kerjasama Selatan-selatan, disokong oleh rangka kerja pelbagai hala seperti BRICS+ dan Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) bagi mempertingkatkan autonomi strategik.

"Kita perlu memperkukuh dan melindungi rantaian bekalan ASEAN yang menjadi tulang belakang ekonomi serantau.

"ASEAN harus menggabungkan semangat serantau dan global dengan menjadikan kepentingan rakyat serta kelestarian bumi sebagai keutamaan," kata Pengerusi Majlis Kebudayaan Asia, Suos Yara pada Forum Phnom Penh Keempat baru-baru ini.

Seruan itu disuarakan ketika persaingan perdagangan antara kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat (AS) dan Republik Rakyat

China semakin memuncak, khususnya berkaitan isu tarif.

Pada Jumaat, Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump mengumumkan tarif perdagangan baharu sebanyak 100 peratus ke atas barangan dari Republik Rakyat China berkuat kuasa 1 November, yang dijangka memberi kesan besar kepada ekonomi global serta berisiko mencetuskan kemelesetan.

Sementara itu, Profesor Anna Rosario Malindog-Uy dari Universiti Peking, Republik Rakyat China berkata abad ke-21 menyaksikan peralihan bersejarah dengan peningkatan pengaruh ekonomi dan politik negara-negara Selatan Global.

Negara-negara BRICS+ kini menyumbang hampir 36 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dan lebih 45 peratus populasi global, serta berkembang menjadi platform koordinasi politik dan diplomatik bagi negara-negara Selatan Global.

BRICS+ terdiri daripada Brazil, Persekutuan Rusia, Republik India, Republik Rakyat China, Afrika Selatan, Arab Saudi, Mesir, Emiriah Arab Bersatu, Ethiopia, Republik Indonesia dan Republik Islam Iran.

"Ketika arus kuasa global terus

berubah, ASEAN mesti mengharungi persaingan ini dengan kebijaksanaan, berhati-hati dan bersatu padu.

"Inti pati kerjasama Selatan-selatan bukanlah untuk bersaing dengan negara-negara Utara, sebaliknya untuk mentakrif semula sistem global ke arah keadilan dan keterangkuman," katanya dalam forum itu.

Beliau juga berkata, sekiranya ASEAN dapat menggabungkan pragmatisme ekonomi dengan pandangan strategik - berteraskan perpaduan dan peranan kepusatannya - rantau ini berpotensi memimpin Selatan Global.

"Cabaran yang kita hadapi bersifat kompleks dan saling berkait. Tiada negara yang mampu mengatasinya secara bersendirian.

"Perkongsian yang semakin mendalam antara ASEAN dan Republik Rakyat China menjadi contoh jelas dengan manfaat bersama dalam perdagangan, infrastruktur dan pembangunan mampan.

"Perbezaan ini memberikan ASEAN cabaran dan peluang," kata Ketua Pengarah Institut Hubungan Antarabangsa Kemboja, Dr. Kin Phea. - ©BERNAMA

19 maut atau hilang dalam letupan loji tentera di Tennessee, AS

NEW YORK, 11 Okt. - Seramai 19 orang dilaporkan maut atau hilang selepas letupan dahsyat memusnahkan sebuah bangunan di loji bahan letupan tentera di negeri Tennessee, Amerika Syarikat (AS) pada pagi Jumaat, lapor Xinhua memetik pegawai tempatan.

"Saya sahkan bahawa kami sedang mencari 19 orang yang masih hilang," kata Sheriff Daerah Humphreys, Chris Davis dalam sidang media petang Jumaat, menurut laporan CNN.

Letupan berlaku sekitar 7.45 pagi waktu tempatan (1245 GMT), kata Davis pada sidang media awal pagi Jumaat, sambil menambah, "Kami mengesahkan terdapat beberapa mangsa yang telah meninggal dunia."

Datuk Bandar Daerah Hickman, Jim Bates memberitahu ABC News awal Jumaat bahawa sekurang-kurangnya 13 individu masih belum dapat dikesan.

Syarikat Accurate Energetic Systems, LLC yang terletak di barat daya Nashville, Tennessee merupakan pengeluar bahan letupan untuk kegunaan tentera, menurut Pejabat Sheriff Daerah Humphreys.

David Stewart dari Perkhidmatan Kecemasan Daerah Hickman memaklumkan kepada CNN bahawa pihaknya belum dapat mengesahkan "tahap kerosakan atau jumlah kecederaan."

Beberapa agensi dikerahkan ke lokasi kejadian dan sedang berusaha menilai serta mengawal kebakaran, namun operasi di kawasan utama ditangguhkan sementara berikutan kebimbangan terhadap kemungkinan letupan susulan, menurut pejabat sheriff itu.

Biro Alkohol, Tembakau, Senjata Api dan Bahan Letupan (ATF), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (DHS) serta Biro Siasatan Tennessee antara agensi yang turut berada di lokasi kejadian, kata Davis. - ©BERNAMA

Gempa bumi 7.6 skala Richter gegar kawasan perairan Chile

ISTANBUL, 11 Okt. - Gempa bumi berukuran 7.6 pada skala Richter menggegarkan kawasan Drake Passage pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS).

Gempa berlaku di kawasan perairan antara Cape Horn di Amerika Selatan dan Antartika pada kira-kira 5.29 petang waktu tempatan (2029GMT) dengan kedalaman 10 kilometer (kira-kira 6.2 batu).

Pusat Amaran Tsunami Pasifik memaklumkan bahawa amaran tsunami yang dikeluarkan sebelum ini untuk Chile telah dibatalkan dan tiada lagi ancaman tsunami dilaporkan.

Susulan itu, satu lagi gempa bumi berukuran 5.4 turut berlaku di kawasan sama pada kira-kira 6.34 petang waktu tempatan (2134GMT) dengan kedalaman 10 kilometer. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PERLAWANAN LIGA SUPER SEPAK TAKRAW TAIB 2025 DITERUSKAN



ANTARA aksi para pemain pada perlawanan berkenaan yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong (atas dan bawah kanan).

TUTONG, Ahad, 12 Oktober. - Kemeriahkan Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) 2025 yang dirasmikan majlis pembukaannya baru-baru ini telah diteruskan lagi dengan perlawanan-perlawanan antara pasukan sepak takraw bagi Liga Pusingan Pertama yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong.

Kejohanan LSST TAIB 2025 merupakan anjuran Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Perbadanan TAIB selaku penaja utama liga yang telah bermula pada 5 Oktober lalu hingga 2 November nanti.

Penganjuran Kejohanan LSST buat kali

ketiga ini mempertandingkan sebanyak dua kategori iaitu Liga Perdana dan Liga Amatur yang akan melibatkan seramai 14 pasukan bagi acara Liga Perdana dan 32 pasukan bagi acara Liga Amatur secara keseluruhannya.

Semasa berlangsungnya perlawanan Kejohanan LSST TAIB 2025 bagi Liga Pusingan Pertama hari ini telah menyaksikan 10 perlawanan bagi kategori Liga Perdana antaranya MS ABDB 'A' menentang Skim DBM 'B'; Miharbi menentang Permata Hijau dan MS PPDB 'B' menentang Panglima Kota Batu.

Manakala sebanyak 16 perlawanan turut berentap di bawah kategori Liga Amatur yang antaranya terdiri dari Brunei Legacy 'B' menentang Menunggol; Siguntur Alam menentang Tutong dan Warisan Belait 'A' menentang Wakzaman Limau Manis 'A'.

Adapun perlawanan-perlawanan bagi Liga Pusingan Pertama ini akan diteruskan lagi pada 19 Oktober 2025 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong. Sementara itu, bagi Liga Pusingan Kedua (Knock Out System) dan perlawanan suku akhir akan diadakan pada 26 Oktober 2025 juga di Kompleks Sukan Tutong.

Manakala perlawanan peringkat separuh akhir dan perlawanan peringkat akhir akan diadakan pada 2 November 2025 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, diteruskan dengan Majlis Penutupan Rasmi dan Penyampaian Hadiah kepada para pemenang.

Johan bagi Liga Perdana akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND5,000; piala pusingan; trofi dan pingat kemenangan, diikuti naib johan yang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND3,000; trofi dan pingat kemenangan, manakala tempat ketiga bersama akan menerima wang tunai sebanyak BND1,000, trofi dan pingat kemenangan.

Sementara johan Liga Amatur pula akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500; trofi dan pingat kemenangan, diikuti naib johan yang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000; trofi dan pingat kemenangan,

■ Berita dan Foto : Nurdianah Rajami

manakala tempat ketiga bersama akan menerima wang tunai sebanyak BND500, trofi dan pingat kemenangan.

Matlamat utama kejohanan ini adalah untuk mencari bakat baharu yang berpotensi untuk diserapkan dalam program pembangunan atlet, pelapis dan pemain kebangsaan dan seterusnya sebagai promosi bagi menarik minat orang ramai berkecimpung dalam sukan sepak takraw serta sebagai Whole of Nation Approach iaitu penglibatan beberapa agensi untuk mengambil peranan masing-masing membawa warga untuk bersama menuju ke arah cara hidup sihat.

Di samping itu, kejohanan ini juga bertujuan untuk terus menghidupkan semula sukan tradisi sepak takraw yang telah lama bertapak di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir bagi menyaksikan perlawanan - perlawanan serta Majlis Penutupan Rasmi dan Penyampaian Hadiah pada hari-hari berkenaan bagi sama-sama memeriahkan dan memberi sokongan Kejohanan LSST TAIB 2025 dan masuk adalah percuma.



Sukan Kidslympic Malaysia sasar jadi acara tahunan - Liu Ying

KUALA LUMPUR, 12 Okt. - Penganjuran Sukan Kidslympic Malaysia disasar dijadikan acara tahunan selepas mendapat sambutan menggalakkan dengan lebih 3,000 kanak-kanak berusia antara lima hingga 12 tahun menyertai temasya itu tahun ini.

Pengasas bersama Kidslympic Malaysia, Goh Liu Ying berkata edisi kali ini menunjukkan peningkatan penyertaan berbanding penganjuran terdahulu yang hanya menarik sekitar 1,000 hingga 2,000 peserta.

Katanya pihak penganjur turun ke sekolah di seluruh negara untuk memaklumkan mengenai kewujudan platform sukan khas buat kanak-kanak bawah 12 tahun itu.

"Penyertaan kali ini lebih memberangsangkan. Selain promosi di sekolah, penganjuran program larian pratemasya di beberapa negeri turut membantu menarik minat lebih ramai peserta," katanya ketika ditemui di Stadium Merdeka di sini, hari ini.

Sebanyak enam acara sukan

dipertandingkan pada temasya tahun ini membabitkan olahraga, bola sepak, bola keranjang, bola tampar, gimnastik dan cabaran halangan.

Liu Ying, yang juga bekas pemain badminton negara, berkata Selangor merekodkan penyertaan tertinggi setakat ini dan penganjur menyasar memperluas penganjuran acara larian ke negeri lain seperti Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan pada edisi akan datang.

Sementara itu, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Amir Hamzah Awang Ghazali menyatakan sokongan agar Kidslympic Games diteruskan sebagai acara tahunan selari sambutan Hari Sukan Negara (HSN).

"Kita tidak mahu ia sekadar program one-off. Kita mahu budaya sukan ini terus diperkasa dan pelbagai pihak boleh bersama menjayakannya, bukan hanya persatuan semata-mata," katanya.

Terdahulu, Sukan Kidslympic Malaysia menerima geran padanan sukan bernilai RM60,000 daripada KBS bagi penganjuran tahun ini. - ©BERNAMA

Rachel tewaskan Aifa, mara ke pusingan kedua Terbuka Silicon Valley

KUALA LUMPUR, 12 Okt. - Pemain skuasy wanita negara Rachel Arnold melangkah ke pusingan kedua kejohanan Terbuka Silicon Valley di Redwood City, Amerika Syarikat (AS) selepas menewaskan rakan senegara Aifa Azman pada Sabtu.

Pada pusingan pusingan pertama berlangsung di SquashZone, pemain ranking ke-20 dunia itu tidak berdepan masalah untuk mengecewakan Aifa

dengan keputusan 11-6, 9-11, 12-10, 15-13 dalam tempoh 39 minit.

Ujian sebenar bagaimanapun menanti Rachel pada pusingan kedua apabila bertemu dengan pemain ranking ke-10 dunia dari England, Georgina Kennedy yang sebelum ini pernah menewaskannya dalam pertemuan sulung pada Kejohanan Dunia Persatuan Skuasy Profesional (PSA) di Mesir tahun lepas. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMPERKASA PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL